

Volume II
No. 1



Wednesday,
20th April, 1960

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

MOTIONS:

Message of Condolence to the Consort of His Late Majesty Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad [Col. 7]

Address to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong [Col. 22]

Committee of Selection (Members) [Col. 76]

Public Accounts Committee (Appointment of Chairman) [Col. 77]

Address of Thanks to The Yang di-Pertuan Agong's Speech [Col. 91]

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 61]

HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S SPEECH [Col. 32]

BILLS PRESENTED [Col. 74]

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 135]

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Second Session of the First Dewan Ra'ayat

Wednesday, 20th April, 1960

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR,
S.P.M.J., P.I.S., J.P.
- " the Prime Minister, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA
AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- " the Deputy Prime Minister and Minister of Defence, TUN
ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- " the Minister of External Affairs, DATO' DR. ISMAIL BIN
DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johore Timor).
- " the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P.
(Malacca Tengah).
- " the Minister of Works, Posts and Telecommunications,
DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- " the Minister of the Interior, DATO' SULEIMAN BIN DATO'
ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).
- " the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE'
ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- " the Minister of Transport, ENCHE' SARDON BIN HAJI JUBIR
(Pontian Utara).
- " the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG
YOK LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- " the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED
KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- " the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN
(Kuala Pilah).
- " the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN
HAJI TALIB (Kuantan).
- " TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N., Assistant
Minister (Johore Tenggara).
- " ENCHE' ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN,
J.M.N., J.P. Assistant Minister (Batang Padang).
- " TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN, Assistant
Minister (Kota Star Utara).
- " ENCHE' CHEAH THEAM SWEE, Assistant Minister (Bukit
Bintang).

The Honourable ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).

- .. ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- .. HAJAH ZAIN BINTI SULAIMAN (Pontian Selatan).
- .. TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- .. ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

The Honourable ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Perlis Utara).

- .. ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- .. WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr. Speaker *in the Chair*)

MOTIONS

Message of Condolence to the Consort of His late Majesty Tuanku Abdul Rahman ibni Al-marhum Tuanku Muhammad

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan dalam Dewan ini dengan perasaan yang penoh kesedahan satu usul yang berbunyi:

"Ia-itu suatu uchapan ta'ziah hendak-lah di-persembahkan kepada ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri kapada Al-marhum Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dahulu, melafadzkan perasaan kesedahan patek Majlis Dewan Ra'ayat ini atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dan Majlis Dewan Ra'ayat berdo'a mudah-mudahan barang diperbanyak sabar atas kemangkatan Baginda dengan mengejut itu dengan mengingatkan jasa² yang telah di-tunjukkan oleh Al-marhum itu serta menguchapkan penghargaan kapada Permaisuri itu kerana bersama² menunjukkan tauladan yang chemerlang itu."

Pada hari ini kita bersidang dalam suasana dan perasaan yang sedeh kerana kemangkatan Al-marhum Duli Yang Maha Mulia Tuanku Abdul Rahman ibni Al-marhum Tuanku Muhammad, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang pertama. Rasa sedeh ini telah di-tunjukkan oleh sa-genap lapisan ra'ayat jelata Al-marhum Baginda, tidak kira apa juga keturunan-nya dan apa jua ugama yang mereka pelok. Perasaan duka nestapa

ini telah di-lahirkan oleh ra'ayat negeri ini, tua dan muda dan kanak², dengan memakai tanda² berkabong. Keadaan ini dapat kita lehat di-mana² jua kita pergi dalam negeri ini.

Perasaan dukachita di atas kehilaan sa-orang Raja yang di-kasehi ini bukan sahaja terdapat dalam negeri kita ini bahkan juga di-seluroh dunia. Telegram² dan surat² uchapan ta'ziah bertalu² datang-nya dari ka-semua ketua² negara dan Kerajaan² serta orang² persaorangan dalam dunia ini.

Maka Dewan Ra'ayat ini tentu-lah lebuh² lagi menanggong perasaan dukachita di atas kemangkatan Al-marhum Baginda itu. Al-marhum Baginda telah membuka Parlimen yang pertama bagi negara Persekutuan Tanah Melayu kira² beberapa bulan yang lepas dan kita telah beruntung kerana dapat mendengar Titah uchapan Baginda yang penoh dengan nasehat² yang berguna kapada kita semua. Al-marhum telah bertitah menasehatkan kita semua supaya menjalankan kewajipan kita sakalian bagi kepentingan negara dan ra'ayat. Baginda juga meminta supaya kita berbahath dalam Majlis ini dengan berbaik² sangka antara satu pehak dengan satu pehak.

Sa-sunggoh-nya ini ada-lah menunjukkan bagaimana berat-nya pandangan yang di-tumpukan oleh Al-marhum Baginda kapada perjalanan Dewan kita ini supaya mendatangkan sa-besar² fa'edah kapada negara kita ini. Dalam masa pemerintahan Al-marhum Baginda itu banyak perubahan² yang berlaku di-negeri kita ini. Di-antara

yang besar-nya ia-lah taraf dan darjah Majlis ini telah berubah dari sa-buah Majlis Undangan kapada Parlimen, dan anggota²-nya daripada sa-paroh di-pileh kapada di-pileh penoh. Ini adalah satu kemajuan yang besar menurut Perlembagaan negara kita ini.

Dengan ada-nya keadaan² yang baik di-bawah pemerentahan Al-marhum Baginda itu maka negeri kita ini telah menjadi pusat tumpuan berbagai² gerakan, baik pun dalam lapangan keramaian, sokan, kebudayaan dan kesenian, atau pun perniagaan dan perusahaan. Ketua² negara dan beberapa orang Perdana² Menteri telah datang melawat ka-negeri kita ini dengan tujuan hendak mengadakan perhubungan muhibbah kaseh mesra antara kita dengan mereka. Mereka itu telah di-terima oleh Al-marhum Baginda dengan penoh kebesaran dan keraian dan berbudi bahasa yang sangat menarek hati mereka semua. Tiap² sa-orang telah balek ka-negerinya dengan membawa kenangan² yang mereka tidak akan lupakan dan memuji akan sikap dan pembawaan Al-marhum Baginda itu.

Sa-masa kemangkatan Al-marhum Baginda, President Ngo Dinh Diem, President Vietnam Selatan telah menghantarkan timbalan-nya sendiri untuk mewakili diri-nya kerana menghadziri j e n a z a h Al-marhum Baginda, ia-itu Tuan Nguyen Ngoc Tho, dan President Amerika Sharikat telah menghantarkan Tuan Ural Alexis Johnson sa-bagai wakil tuboh-nya. President Republic Indonesia telah menghantarkan wakil-nya juga ia-itu Professor Yamin.

Berbalek kapada pentadbiran negara pula Al-marhum Baginda telah me-layakkan diri-nya sa-bagai sa-orang Raja yang berperlembagaan, dengan sa-penoh² ertikata itu. Sa-bagai hamba tua saya telah menjalankan Titah perentah Al-marhum Baginda itu dengan penoh ta'at setia dan puas hati dan dengan tidak mengalami sa-barang kesusahan. Perhubongan antara saya sa-bagai wakil ra'ayat dan Al-marhum Baginda sa-bagai Raja yang memer-tah telah berjalan dengan lichin, dan saya sangat-lah mengenangkan di atas budi baik yang telah di-tunjokkan

kapada saya dan Menteri² yang lain oleh Al-marhum itu.

Kemangkatan Al-marhum Baginda itu ada-lah bererti tamat-nya satu babak riwayat negara kita ini dan tertutupnya Bab Yang Pertama dalam sejarah Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dan berdaulat. Sunggoh pun Bab Yang Pertama itu telah berakhir, tetapi ingatan kita akan berkekalan sa-lama²-nya di-atas segala nikmat dan kelebihan yang kita telah berolehi dalam Bab Yang Pertama sejarah negara kita itu. Zaman pemerentahan Al-marhum Baginda yanggilang gemilang itu akan tetap terchait dengan tinta emas dalam sejarah perkembangan negara kita ini.

Sa-bagai orang persaorangan saya kenal baik dengan Al-marhum Baginda. Pada tahun 1927, Baginda telah menjadi Yang di-Pertua Persatuan Melayu di-Great Britain yang pertama dan saya menjadi sa-bagai Setia Usaha-nya. Al-marhum Baginda ia-lah sa-orang yang peramah dan berbudi bahasa lemah lembut dan kemangkatan-nya itu ada-lah bererti yang saya telah kehilangan sa-orang sahabat yang ikrab. Sa-bagai menunjukkan bagaimana Al-marhum Baginda itu insaf dan sedar di-atas segala tanggong Baginda, maka Baginda sunggoh pun dalam kegerringan telah juga berangkat kerana menyampaikan hadiah² dalam pertandingan mengaji Koran, dan juga berangkat membuka pertandingan Bola Sepak Pemuda² Asia, ia-itu-lah upachara rasmi yang penghabisan sa-kali yang di-lakukan oleh Baginda dalam masa hayat-nya.

Maka pada hari ini saya mengambil peluang dalam Dewan ini untuk menguchapkan ta'ziah kapada Yang Maha Mulia Tunku Kursiah, Permaisuri Al-marhum Baginda di-atas kemangkatan Al-marhum itu. Duli Yang Maha Mulia Tunku Kursiah telah bersama² dengan Al-marhum Baginda dan sentiasa berada di-samping Baginda pada sa-tiap waktu kerana menolong dan membantu Baginda dalam segala kerja² yang berat sa-bagai ketua negara yang berdaulat. Mudah-mudahan Duli Yang Maha Mulia itu menaroh sabar di-atas kehilangan Al-marhum Baginda itu.

Al-marhum Baginda telah menduduki di atas singgahsana takhta Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sa-bagai Yang di-Pertuan Agong yang pertama sa-lama lebuh dari dua tahun sa-tengah dengan selamat sempurna dan penoh kedaulatan sa-bagai sa-orang Raja yang berperlembagaan. Dalam masa pemerintahan-nya itu negeri ini telah menempohi satu zaman yang gilang gemilang, dan dengan kebijaksanaan pemerintahan-nya itu dapat-lah ra'ayat dan negeri ini menchapai kemajuan, keamanan dan kema'amoran. Pemerintahan Al-marhum Baginda yang chemerlang itu telah termashhor ka-serata dunia, sa-hingga negeri² lain memandang tinggi dan memuji di atas perjalanan negara kita ini.

Akhir-nya sa-kali kita berdo'a moga² di-himpunkan roh Al-marhum Baginda dengan orang² shahid dan saleh, dengan itu saya kemukakan chadangan ini.

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Mr. Speaker, Sir, I beg to second the motion.

I submit, Sir, that this is no formal motion of condolence. It is an expression, a humble expression, of the deep sorrow of a nation through its elected representatives. Those of us who were privileged to know, however slightly, that gentle and dignified figure, who came from Negri Sembilan in August, 1957, to become the first Yang di-Pertuan Agong of an independent Federation of Malaya, can never forget the illustrious service he rendered to our country nor the unfailing charm and graciousness with which he discharged the arduous functions of his high office at all times. In the light of subsequent events, it is clear that he must have endured and suffered much for most of the time that the fierce glare of publicity was turned upon him, and yet to many, even of those closest and nearest to him, he gave no indication of what he forced himself to go through in the interest of what he conceived to be a higher duty. Such is the mettle and the character of a man who, in the short space of a little more than two and a half years, has embodied in himself the

qualities of a resurgent yet dignified, progressive yet gracious Malaya.

It is perhaps not sufficiently realised that the role of a constitutional monarch is never an easy one. It calls for qualities of head and heart, and it also demands that these qualities must be exercised at all times under the most unfavourable conditions, i.e., under the critical gaze of all his subjects. A constitutional monarch is burdened with all the trappings of power but may not be able to derive from it the inner satisfaction that comes from an exercise of real power. It would have been extremely easy for our first Sovereign to have fumbled in his job. Instead, he has given it a unique stature, and in the process, has earned the gratitude and affection of his people. For those of us who remain, I am sure that he himself would feel that the only way we can repay him is to ensure that those labours which have cost him dear and have cut short a life which might otherwise have been longer, will not have been in vain.

It is not inappropriate at this time that we should also pay our tribute to the Consort of His late Majesty, Her Majesty Tunku Kurshiah. We always respected her because we realised that she had the same dignity and charm as His late Majesty. Yet, at the same time, she was always self-effacing. Those last weeks must, however, have been a severe trial to her and the way in which she bore herself during those terribly difficult days was a revelation even to those of us who had known her previously, and must have earned the admiration of many who did not know her before. To her I am sure this House would like to pay its full measure of sympathy and tribute for a noble lady, a fitting consort to one who has been Nature's gentleman.

Let us all hope that he will rest in peace. I think no fitter and finer epitaph can be recorded than the following words from an old Malay pantun:

Pisang emas bawa belayar,
Masak sa-biji di-atas peti.
Hutang emas dapat di-bayar,
Hutang budi di-bawa mati.

Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor (Besut): Dato' Y a n g di-Pertua,

sesunggoh-nya usul ini ada-lah sangat tepat dalam keadaan suasana tanah ayer kita dan suasana Parlimen kita yang pertama sa-sudah Al-marhum di-pileh dan yang di-kasehi oleh ra'ayat telah meninggalkan kita. Sesunggohnya persidangan kita pada hari in adalah dalam suasana yang sedeh, dalam suasana yang pilu, maka usul² yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri kita dan telah di-sokong oleh penyokong-nya ber-hubung dengan jasa² Al-marhum itu yang mana telah di-terangkan dengan panjang lebar, oleh itu saya tak payah-lah mengulang lagi bagaimana besar-nya jasa² serta chontoh tauladan agar menjadi kemegahan pada bangsa kita di-masa hadapan berkepanjangan kapada anak² chuchu bangsa kita di-belakang hari. Saya rasa tidak perlu saya hendak mengulang lagi bagaimana besar jasa²-nya dan keadaan riwayat hidup yang telah di-tinggalkan untuk menjadi tauladan bagi riwayat dan tawarikh pada bangsa kita.

Saya menguchapkan berbanyak² dan sedalam² perasaan ta'ziah agar mudah²an Tuhan ilhamkan-lah kepada keluarga Yang Maha Mulia bekas Raja Permaisuri Agong supaya bersabar dengan penoh kaseh 'iktibar dalam kita pohonkan bagi aruah Al-marhum dengan ampun limpah rahmat Tuhan supaya di-masokkan dalam bilangan ahli² shorga, dan jasa² Al-marhum itu-lah yang kita akan menchontoh tauladan dari titah-nya yang telah di-hamborkan oleh Al-marhum itu kapada kita. Dengan ini agar menjadi panduan kapada kita sa-bagaimana yang telah di-titahkan-nya untuk melaksanakan perpaduan bangsa yang tegoh dalam negeri ini semuga dapat-lah kita sa-telah peninggalan Al-marhum itu maka kita semua akan bekerja benar² dalam mengujudkan perpaduan bangsa yang tegoh sa-bagaimana yang telah di-titahkan oleh Baginda itu, dan Baginda juga ada-lah sa-orang yang kuat ber-pegang kapada ugama dan memelihara ugama² negeri ini. Maka dengan titah Baginda itu-lah kita bersunggoh² menjalankan sa-bagaimana yang telah ada dalam perlembagaan kita pada melaksanakan ugama Islam yang menjadi ugama resmi negeri ini.

Enche' Ahmad Boestamam (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut menyertaï Yang Berhormat Perdana Menteri kita melafadzkan uchapan ta'ziah sa-bagaimana yang telah di-kemukakan-nya tadi. Sa-bagaimana yang kita semua ma'alum bahawa Al-marhum Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita yang pertama dahulu itu kita anggap sa-bagai lambang perpaduan ra'ayat dan kita sa-bagai ra'ayat sudah selayak-nya-lah menyampaikan uchapan ta'ziah atau rasa dukachita kita di atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia itu. Kalau kami menyertaï uchapan ta'ziah ini, maka kami menyertaï-nya dengan sepenoh hati. Kami yakin bahawa bekas Raja Permaisuri Agong telah pun membuktikan di atas kemangkatan Al-marhum Duli Yang Maha Mulia itu sa-bagai sa-orang Permaisuri yang setia, dan kapada bekas Raja Permaisuri Agong itu, kami juga menyertaï uchapan ta'ziah yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri tadi bahawa dari Allah kita datang, dan kapada-nya kita kembali.

Enche' D. R. Seenivasagam (Ipoh): Mr. Speaker, Sir, I rise to associate myself whole-heartedly with all the statements and sentiments expressed by the Honourable the Prime Minister and other speakers on this motion.

Mr. Speaker, Sir, the passing of His late Majesty was not only a loss of a King of the people of this country but also it was the loss of a friend, because His late Majesty's simple dignity—and also the dignity of His late Majesty's Consort—made him a friend of the people. His close association with the public activities of the citizens of this country brought him into such close contact that on His late Majesty's expiry the people of all races, of all walks of life, of all occupations, felt that they had not only lost their King but also their friend.

Mr. Speaker, Sir, on behalf of my Party and all those I represent, I associate myself most strongly with the remarks made on this motion.

Enche' Tan Kee Gak (Bandar Malacca): Mr. Speaker, Sir, on behalf of the Malayan Party and of the

people in the Bandar Malacca constituency, I strongly support the motion. His late Majesty was a kind and gentle King and won the hearts and loyalty of all races of our country.

Enche' Chin See Yin (Seremban Timor): Mr. Speaker, Sir, on behalf of my two independent colleagues and myself, we strongly support the motion and associate ourselves with the very sad feeling of this House. Speaking for myself, Sir, I have known His late Majesty for a very long time. He has been very kind and gentle to the people. He has acquired the love of all in my State and I am sure, as His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, he has also acquired the love of all in this country. Sir, I am sure he will now rest in peace. Let us all now follow his very good example to do good and justice to all.

Enche' Tan Cheng Bee (Bagan): Mr. Speaker, Sir, I rise to associate the people of my constituency in Bagan in particular, and the people of Penang in general, with the sentiments expressed by the previous speakers. I may rightly say, Sir, that Penang has been very fortunate to have the honour of welcoming His late Majesty on two occasions since he assumed the most exalted and dignified office of the Yang di-Pertuan Agong. The first occasion was during the water festival in Penang and the second occasion the State visit with His gracious Consort. I can still remember very vividly the happy occasion when His late Majesty and His Consort passed through Butterworth to Bukit Mertajam to entrain at Bukit Mertajam on the return trip of His visit and how warmly they were welcomed by the people of Butterworth and Bukit Mertajam. It was indeed an auspicious day for the people of the main land as the streets from Butterworth to Bukit Mertajam were lined practically with people of all races and the shops and dwelling houses were bedecked with colourful bunting with the Federation flag prominently flying in warm welcome to Their Majesties. In both the towns, Butterworth and Bukit Mertajam, school children with hand-flags lined

the streets and on the five-foot paths there were throngs of peoples of all nationalities and of all walks of life, rubbing shoulders with one another to catch a glimpse of the King and Queen. I could well remember how pleased His late Majesty was when he complimented the Honourable the Chief Minister of Penang, Dato' Wong Pow Nee for the warm welcome manifested by the residents of the town of Bukit Mertajam which incidentally was the home-town of the Chief Minister. At the Railway Station compound, Bukit Mertajam, when he inspected a guard of honour with all pomp and splendour, it was witnessed by thousands of people. When His late Majesty was introduced to those who had the privilege to grip and kiss His hands, he displayed an attitude that was majestic, kind and warm. Finally when he boarded the train with His Consort, he refused to go straight into the carriage but stood at the gangway and waved to the crowd as the train slowly wended its way out of the station platform. This is an occasion, Sir, that touched the hearts of the people. I may here say, Sir, that though His late Majesty has now gone, the gracious memory of His visit together with His Consort to our place will long be remembered.

The Minister of Works, Posts and Telecommunications: (Dato' V. T. Sambanthan): Mr. Speaker, Sir, it was barely three years ago that the Constitution of the Persekutuan Tanah Melayu was reaching its final stages, and we had then decided that this country should have a Constitutional Monarch—it should be a monarchic democracy. Little did we think then, who would be the Yang di-Pertuan Agong. The various Rulers made their decision and the country welcomed His Majesty Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad as the Yang di-Pertuan Agong of this country.

When we heard the decision three years ago, that this country should be a constitutional monarchy, it was in terms of political thinking, a departure from the current thought in Asia—and that was that a monarchy was not compatible with democracy. But we in this country felt otherwise, and during

the past two and a half years we have seen and observed, and I am sure that our hearts welled with pride and with happiness at the bearing and dignity and the manner in which our own monarchy has been going on from strength to strength.

We have observed the pageantry that this new nation of ours has been able to set up and we have witnessed and seen with happiness the quiet dignity and intellectual approach to problems which our own monarch had brought to bear in the country: we had observed how his Consort stood by him, giving strength to him all through these years, and we felt again very proud of these happenings. And sometimes we thought what strange fortune, what strange Providence was it that brought two men, one the President and the other the Secretary thirty years ago, together; what tryst with destiny was it that brought them together—one to be a King of kings here and the other to be a Prince among men, to lead the rest in service, and in work. So the years have passed, two and a half years, but it has been an era, an extremely important era. This young nation of ours has grown to full nationhood, grown in stature throughout the world. Yet Providence which brought him to us has decided to take him away. Perhaps, our own Tunku was right when he said that it was merciful Providence that took him away even as he was "His Majesty."

During the few days before the funeral and the procession we observed the quiet dignity, the queenly grace and the way in which she bore that irreparable loss, and our hearts went to her and her family and to those near and dear to His late Majesty—and we also observed how she was able to cover that void in her heart; while her heart bled and bled so—for her love for His late Majesty is very well known—she bore quietly and graciously her deep sorrow: and we felt, here, we do have a Queen with all the queenly grace and dignity of which any nation can be proud.

So, I believe, we have come to nationhood: we have a King and we have a Queen, and I am sure that even as we wish the present Yang di-Pertuan

Agong the best, we are sure that the great and very high ideals, the very great and very high stature set up by His late Majesty will always shine as a beacon in the days that lie ahead. I am sure that in the years to come, we will look forward and backward to this era, which I wish to call the era of Tuanku and Tunku Abdul Rahman, and that the Tunku era will be with us for many years more to come.

Sir, I am sure that we all wish to condole with the gracious Consort of His late Majesty and family, and even though the void cannot be filled that our condolence can be some consolation to her.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya, kalau-lah di-beri kemudahan kapada semua ahli² Dewan ini bahkan kapada semua ra'ayat negeri ini untuk menyatakan ta'ziah-nya, tentu-lah mereka akan melakukan dengan panjang dan dengan chara yang mendalam. Ini ia-lah kerana ada-nya sa-orang Raja yang menjadi Yang di-Pertuan Agong bagi negara kita ini yang telah menjalankan tugas-nya dengan segala sifat keagongan dalam kemudahan dan dengan segala sifat-nya mengambil berat di-dalam kemajuan ra'ayat di-negeri ini. Di-dalam mengulang kaji atas pemerentahan ka-bawah Duli Yang Maha Mulia itu, saya perchaya bahawa tiap² sa-orang dari ra'ayat negeri ini dapat memberi tahu sadikit sa-banyak apa yang di-rasai-nya dari kemasraan dan kebaikan hati ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Baginda yang telah mendahului kita menghadapi Tuhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat pada suatu kali dengan chara yang tidak rasmi yang tidak di-gembargemburkan, yang tidak di-hebohkan kapada sesiapa pun Seri Paduka Baginda telah melawat ka-kolej Islam Malaya di-Klang. Lawatan sa-orang Yang di-Pertuan Agong kapada suatu perguruan tinggi Islam dengan tidak sa-chara rasmi amat-lah mengejutkan; dan yang lebih mengejutkan ia-lah kerana Seri Paduka Baginda telah duduk bersama² dengan murid² dan penuntut² di-kolej itu mendengar sharanah², pelajaran yang menurut

Seri Paduka Baginda menarek hati-nya. Tuan Yang di-Pertua, sa-orang Yang di-Pertuan Agong melakukan suatu kerja yang tidak rasmi dengan murid² sekolah dan dengan penuntut² sekolah tinggi saperti itu tentu-lah meninggalkan kesan yang baik, bukan kapada mereka, kapada orang² persaorangan, tetapi kapada mereka yang mewakili gulongan yang mereka bersifat dengan-nya. Tuan Yang di-Pertua, dari Allah kita datang dan kapada Allah kita kembali, tetapi tidak-lah boleh dingarkan kelemahan hati kita kerana kehilangan sa-orang Raja saperti ini. Memang tepat-lah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa usul ini menyampaikan ta'ziah untok di-sembahkan kapada Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Al-marhum Tuanku itu. Tetapi rasa-nya Ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu pun patut menerima ta'ziah daripada diri-nya sendiri, kerana kehilangan sa-orang Yang di-Pertuan Agong yang mempunyai sifat keagongan di-dalam kemudahan itu. Tuan Yang di-Pertua, di-dalam menyampaikan ta'ziah, Dewan ini tentu-lah dapat kita sertakan ta'ziah-nya dengan do'a yang penoh, mudah-mudahan Tuanku Permaisuri Al-marhum dapat memikul beban atas kehilangan sa-orang rakan hidup-nya dan dapat menghadapi suasana ini dengan tenang dan kita ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu akan terus mengingatkan sifat² ka-bawah Duli Al-marhum dalam menjalan tugas² yang kahadapan.

Puan Hajah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan): Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah kira-nya semua sa-kali orang perempuan segala bangsa di-dalam Tanah Melayu ini di-benarkan menguchapkan ta'ziah kapada Duli Yang Maha Mulia bekas Raja Permaisuri Agong; saya fikir bertahun² tidak sudah uchapan ta'ziah itu, kerana ada-lah Raja Permaisuri Agong itu telah bersama² memikul tanggongan yang berat dengan Al-marhum Yang di-Pertuan Agong. Belum lagi di-dapati sa-orang Raja Permaisuri Agong yang bagitu bersunggoh² menyempurnakan kewajipan-nya. Tuan Yang di-Pertua, saya sa-orang yang sangat berdamping, yang sangat biasa dari kecil sampai-lah masa ini dengan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong bagitu

juga dengan Al-marhum Yang di-Pertuan Agong. Saya dapat kehilangan Raja yang telah Tohan takdirkan ini ada-lah sa-besar² kehilangan, tetapi satu hiboran kapada orang perempuan khas-nya dan ra'ayat Tanah Melayu 'am-nya; ada-lah bekas Raja Permaisuri Agong itu sa-orang perempuan yang ganjil, sa-orang Raja berjaya besar dan sa-orang pemimpin, pengajar dan ibu yang sejati. Di-dalam Baginda berdukachita pada hari kedua jinazah Al-marhum di-Istana Negara, bila saya menghadap Baginda saya berasa hairan, di-dalam berduka nestapa Baginda tidak-lah lupa mengatakan kerja dan perkhidmatan Baginda kapada kaum ibu, kapada perempuan di-Tanah Melayu ini belum-lah siap, belum-lah sempurna, bagaimana-lah gaya Baginda akan menyambangkan perkhidmatan itu?

Apabila saya sembahkan sa-bagai penghibor kapada Baginda chara² perkhidmatan pada masa yang akan datang, Yang Maha Mulia itu dengan kering ayer mata-nya nampak-lah muka Baginda berseri². Dan saya perchaya bekas Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong yang ganjil itu akan menyempurnakan perkhidmatan-nya hingga akhir hayat Baginda. Tuan Yang di-Pertua, saya uchapkan ta'ziah dengan sa-dalam² dan bersunggoh² atas kehilangan Raja kita.

Dr. Lim Swee Aun (Larut Selatan): Mr. Speaker, Sir, it came as a great shock to all the people, young and old, in my constituency of Larut Selatan when we heard over the radio in the early morning of the sad passing away of His late Majesty Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad. We lost a gracious King who carried himself graciously, with quiet dignity, but who never lost the human touch. It was this human touch that endeared him to all the peoples of Malaya of all races; and what added to his stature was his benevolence, his tolerance and his great desire to build a united nation out of a multi-racial society.

Sir, on behalf of all the members of my constituency and myself, I wish to associate ourselves with the fine sentiments that have been expressed here

to-day, and to support strongly the sending of a message of condolence to be conveyed to the Consort of His late Majesty, tendering to her in her bereavement our deepest sympathies.

May his soul rest in peace!

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri sa-bagai pehak diri saya dan bagi pehak kawasan saya Tanah Merah di-dalam negeri Kelantan. menyatakan sokongan di atas chadangan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, menyatakan ta'ziah di atas kehilangan sa-orang Raja yang amat di-kasehi itu dalam tugas² yang telah di-laksanakan-nya di-dalam hayatnya. Selang dua hari kita bertakbir memuji Tohan, di atas kemenangan kita di-dalam menunaikan kewajipan² kita sa-bagai sa-orang Muslim berpuasa dalam bulan Ramadhan dan sempat pula Baginda itu memberikan uchapan selamat hari raya-nya kapada ra'ayat, sa-bagai pembukaan yang akhir kepada mereka itu. Sa-sudah kita mengerjakan ibadat puasa sa-bulan Ramadhan itu maka dapat-lah saya gambarkan atau ibaratkan, sa-umpama mata hari yang baharu terbit pada awal Shawal itu, tiba² dengan takdir Tohan yang maha berkuasa dua hari sa-sudah-nya, terdengar-lah satu dentuman petir di-tengah hari, sedang mata hari maseh berchahaya dentuman itu telah memechahkan anak telinga kita, pada suboh² pagi Juma'at itu terdengar-lah bachaan² Kor'an yang berdayu² melalui chorong Radio Malaya. Kemudian diikuti dengan satu berita perutusan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kita kasehi itu.

Bagi ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu, tentu-lah tidak siapa pun yang tidak menyatakan rasa dukachita-nya yang amat sangat dengan kemangkatan beliau sa-bagai Yang di-Pertuan Agong bagi negara Persekutuan Tanah Melayu ini. Bagi sa-orang sahabat sa-bagai Perdana Menteri itu hilang-lah sudah sa-orang kawan yang amat karib dan bagi sa-orang Ahli Majlis Meshuarat Parlimen ini pula telah hilang-lah sa-orang ketua di-dalam-nya yang di-harap²-nya akan bersama² memimpin

negara ini pada masa akan datang. Tetapi rupa²-nya, Tuan Yang di-Pertua, Tohan juga-lah yang lebuh berkuasa dari segala kekuasaan dan harapan manusia yang berada di atas muka bumi ini. Maka kembali-lah beliau kerah-matullah. Dengan kembali-nya beliau kerah-matullah itu, maka dapat-lah kita menyatakan sa-bagaimana yang telah di-sebut oleh Yang Teramat Mulia, Perdana Menteri tadi ia-itu tertutup-lah sudah satu sejarah bagi Persekutuan Tanah Melayu dan akan terbuka-lah sejarah baharu bagi Persekutuan Tanah Melayu di-masa yang akan datang. Dan bagi kita ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu ini dengan tidak ada kechualan-nya akan tetap berdo'a kepada Allah Subhanahu wata'ala, mudah²an segala amal usaha dan kebijikan yang telah beliau laksanakan sa-bagai sa-orang Raja itu akan dapat di-terima Tuhan sa-bagai 'amal saleh dan menjadi bekalan kepada kita fa'edah-nya. Sakian-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya dan bagi kawasan saya Tanah Merah menyertai dukachita yang menimpa negara kita ini.

Question put, and agreed to, *nemine contradicente.*

Resolved,

That a message of condolence be conveyed to the Consort of His late Majesty Tuanku Abdul Rahman ibni Al-marhum Tuanku Muhammad, tendering to her in her bereavement the deep sympathy of this House, and our prayers that she be sustained in her great and sudden loss by the remembrance of the inspiring example of His late Majesty, and our appreciation of the contribution made to that example by her august and loving companionship.

ADDRESS TO HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, saya suka membawa satu usul yang berbunyi :

"Bahawa suatu uchapan akan di-persembahkan kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong :

menguchapkan tahniah atas lantekan Baginda menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong;

memberi akuan ta'at setia kapada Duli Yang Maha Mulia dan melafadzkan keyakinan yang kuat ia-itu dengan izin Tuhan, Duli Yang Maha Mulia, dalam

sepanjang² tempoh menyandang jawatannya, akan berkekalan menunjukkan chontoh tauladan Al-marhum Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang lalu dan berikhtiar menjalankan langkah² bagi keselamatan dan keamanan ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu."

Dewan ini baharu sahaja meluluskan satu usul yang telah saya bawa untuk merakamkan kesedehaan Dewan ini atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Al-marhum Tuanku Abdul Rahman ibni Al-marhum Tuanku Muhammad dan melafadzkan uchapan ta'ziah Dewan ini kapada Duli Yang Maha Mulia Tunku Kursiah.

Dalam uchapan saya itu saya telah mengatakan bahawa dengan kemangkatan Al-marhum Baginda itu maka Bab Yang Pertama bagi sejarah Persekutuan Tanah Melayu ini telah-lah tamat.

Maka sekarang ini negara kita masok kepada Bab Yang Kedua dalam sejarahnya. Tiap² negeri ada-lah membuka sejarahnya itu dengan terlantek-nya sa-orang ketua negara yang baharu. Negeri dan ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu sedang berkabong kerana kemangkatan Al-marhum Baginda itu tetapi ra'ayat dan Negeri ini ada-lah juga menyambut dengan perasaan yang penoh gumbira berita perlantekan sa-orang Yang di-Pertuan Agong yang baharu. Tiap² satu dalam dunia ini ada-lah berubah² dan berganti². Kehilangan kita sa-orang Raja yang kita kasehi itu telah pun berganti dengan sa-orang Raja yang lain sa-bagai Yang di-Pertuan Agong. Keadaan ini tepat-lah sa-bagaimana kata pepatah Melayu "Patah tumboh, hilang berganti."

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Hishamuddin Alam Shah ia-itu Sultan bagi Negeri Selangor ini telah di-lantek oleh saudara²-nya Duli² Yang Maha Mulia Sultan² menjadi sa-bagai Yang di-Pertuan Agong Yang Kedua. Duli Yang Maha Mulia ini telah menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong semasa hayat Al-marhum Tuanku Abdul Rahman, dan telah pernah beberapa kali menjalankan kewajipan sa-bagai Yang di-Pertuan Agong dalam masa Al-marhum itu belseyar keluar negeri dan tetekala Al-marhum itu gering. Duli Yang Maha Mulia pada

masa itu telah menjalankan kewajipan Yang di-Pertuan Agong itu dengan penoh kebesaran dan kebijaksanaan dan telah mendapat pujian yang tinggi.

Duli Yang Maha Mulia ini ia-lah sa-orang yang kuat berpegang kapada ajaran ugama Islam yang maha suchi, tetapi Baginda mempunyai pandangan yang luas. Di-negeri Baginda sendiri ia-itu Negeri Selangor penduduk²-nya ada-lah terdiri dari ra'ayat yang berbagai² keturunan dan menganot berbagai² ugama, tetapi semua lapisan ra'ayat Baginda itu sentiasa-lah memuji dan memandang tinggi terhadap sikap Baginda. Duli Yang Maha Mulia itu sangat-lah di-kasehi oleh ra'ayatnya dan mashhor dengan sifat²-nya yang mulia. Baginda di-sayangi oleh ra'ayatnya dengan sifat²-nya yang baik budi, bertimbang rasa dan 'adil.

Duli Yang Maha Mulia ia-lah sa-orang yang lemah lembut, dan suka beramah tamah dengan segala peringkat ra'ayat-nya dengan tidak kira kecil atau besar; miskin atau kaya, dan apa juu bangsa dan ugama mereka.

Dengan sebab itu tidak-lah dapat siapa² pun menapikan tentang kebijaksanaan Duli² Yang Maha Mulia Sultan² yang telah memilih Seri Paduka Baginda itu menaiki takhta Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sa-bagai Yang di-Pertuan Agong Yang Kedua.

Dengan ada-nya sifat² yang terpuji kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda itu maka saya yakin Persekutuan Tanah Melayu akan nemppohi satu zaman yang gilang gemilang, dan berbagai² kemajuan akan dapat di-chapai untuk fa'edah keselamatan, kema'amoran dan kebahagian sekelian ra'ayat jelata-nya, sa-bagaimana yang kita telah tempohi dalam zaman pemerintahan Al-marhum Baginda Tuanku Abdul Rahman itu.

Pada pagi kelmarin Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah melakukan upachara pembukaan Parlimen ini ia-itu upachara yang pertama sekali yang di-jalankan oleh Baginda itu. Kita telah bertuah dapat mendengar titah perentah dan nasehat Seri Paduka Baginda itu. Di-dalam titah perentahnya itu Seri Paduka Baginda telah

menyatakan hasrat Baginda untuk menyaksikan yang Persekutuan Tanah Melayu ini terus maju dan menchapai keselamatan, kema'amoran dan kebahagian. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah juga menyatakan harapan-nya kapada kita semua supaya menjalankan kewajipan kita bagi menchapai tujuan dan chita² itu.

Oleh yang demikian, sunggoh pun dalam Parlimen ini ada berbagai parti, ada pehak pemerentah dan ada pehak pembangkang, tetapi jangan-lah kita lupa kapada asas dan tujuan yang utama ia-itu untuk mendatangkan kesenangan, keselamatan dan kebahagian kapada negara dan ra'ayat yang kita sekelian mewakili-nya. Kalau dapat di-jalankan kerja² kita menurut lunas² ini maka tentu-lah akan menjadi lebeh mudah kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda itu memerentah negeri yang kita kasehi ini.

Maka saya mengambil peluang ini untuk menyatakan ikrar ta'at setia bagi pehak Ahli² Dewan ini kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Hishamuddin Alam Shah, dan kita berdo'a kehadzrat Allah Subhanahu Wata'ala muga² Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong dan di-anugerahkan oleh Tuhan kepada Baginda² itu dengan segala kebesaran dan aman sentosa, sehat wal'afiat selama²-nya.

Kita juga berdo'a mudah²an dalam masa Pemerentahan Baginda Yang di-Pertuan Agong ini kita akan terchapai satu kema'amoran, keamanan dan kesenangan yang luar biasa dalam perentahan-nya yang 'adil dan saksama akan tetap sekali timbul chahaya keamanan yang memanchar keseluroh negeri ini dan juga di-luar negeri.

Saya mohon memajukan usul saya ini.

The Deputy Prime Minister (Tun Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua saya dengan amat sukahita-nya menyokong chadangan yang di-datangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi. Dengan menyokong chadangan ini, saya juga menyokong perkataan² yang telah di-sebutkan oleh

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di-samping itu kita Ahli² Dewan Ra'ayat ini dengan perasaan yang amat sukahita menyambut lantekan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Hishamuddin Alam Shah sa-bagai Yang di-Pertuan Agong yang baharu bagi negara kita Persekutuan Tanah Melayu ini, dan pada hari ini kita dengan amat sukahita-nya menyampaikan uchapan ta'at setia kita kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saperti kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Baginda Tuanku Hishamuddin Alam Shah ini ada mempunya'i sifat² yang terpuji dengan pengalaman-nya sa-bagai sa-orang raja bagi Negeri Selangor sa-bagai Pemangku Yang di-Pertuan Agong. Saya yakin dan perchaya negara kita ini di-bawah pentadbiran Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Hishamuddin Alam Shah akan terus maju menjadikan negara ini aman, ma'amur dan mashhor seluroh dunia.

Saya bersama² berdo'a kahadzrat Allah Subhanahu Wata'ala mudah²an Allah panjangkan usia Duli² Yang Maha Mulia Seri Peduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan isteri Baginda Raja Permaisuri Agong, dan mudah²an dalam masa pemerentahan kedua² Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda itu negeri kita ini akan menjadi aman dan ma'amur selama²-nya.

Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, sa-sudah suasana sedeh sa-bagai hari malam dan sekarang berganti-lah pula dengan suasana cherah dan sukahita sa-bagaimana matahari terbit pada pagi hari, maka usul yang telah di-kemukakan oleh Perdana Menteri itu saya bagi pehak parti saya menyokong dengan sa-penoh² sukahita dan menguchapkan sa-tinggi² tahniah atas usul itu. Atas lantekan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sa-sunggoh-nya tepat benar Duli Yang Maha Mulia telah menjadi Yang di-Pertuan Agong kita dan di-harap sunggoh kita dalam masa pemerentahan Duli Yang Maha Mulia aman

dan ma'amor dan kedua Seri Paduka Baginda itu sehat wal'afiat menjalankan perentah negeri ini dan memelihara ugama kita. Demikian-lah sokongan saya menyokong apa yang telah dimajukan dalam usul Perdana Menteri kita tadi.

Enche' Ahmad Boestamam: Tuan Yang di-Pertua, sa-kali lagi saya bangun untuk menyertaï Perdana Menteri. Kalau tadi saya menyertaï uchapan ta'ziah beliau, sekarang saya bangun untuk menyampaikan uchapan tahniah pula.

Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya perlantekan Yang di-Pertuan Agong baharu ini telah kita ketahuï melalui kawat² yang Tuan Yang di-Pertua sendiri hantarkan kapada anggota² Parlimen dan demi berita dari Tuan Yang di-Pertua itu kami terima, saya atas nama Front Socialist Ra'ayat Malaya telah pun menghantarkan kawat menguchapkan tahniah kami kapada Yang di-Pertuan Agong kita yang baharu dan pada kesempatan ini kami sa-kali lagi mengulangi apa yang kami telah katakan dalam kawat itu ia-itu menyampaikan tahniah di atas lanteran baginda dan juga menjanjikan ta'at setia kami sa-bagaimana yang telah pernah kami berikan kapada Yang di-Pertuan Agong yang pertama dahulu. Kami mengharapkan dengan pimpinan baginda negara kita akan menuju keamanan dan kema'amoran. Sekian-lah.

Enche' D. R. Seenivasagam: Mr. Speaker, Sir, I rise once again to strongly support this motion and to agree with the sentiments expressed by the Honourable the Prime Minister and other speakers who have spoken before me.

May I take this opportunity, on behalf of my Party and my fellow parliamentarians sitting with me on this side of the House, to assure His Majesty that in this House we, sitting on the benches in the Opposition, will at all times conduct ourselves as loyal citizens of this country and try our best to assist His Majesty to carry out his onerous duties as Paramount Ruler. From time to time in this House, Mr. Speaker, we will be demanding by

democratic means certain rights and privileges which we think certain sections of the community should have, but in doing that, I assure His Majesty that those are the demands of loyal members of his community in this country.

Enche' Chin See Yin: Mr. Speaker, Sir, I again rise on behalf of my two Independent colleagues and myself to support this motion, and we wish to associate ourselves with the sentiments expressed to His Majesty. We all know His Majesty and we are confident that he will do all he can to guide the people of this country to prosperity in this territory. We wish His Majesty and his Consort good health and happiness.

Enche' Tan Kee Gak: Mr. Speaker, Sir, I have great pleasure to represent the Malayan Party and Bandar Malacca to support the motion. The peoples of our country pledge our devotion and loyalty to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong.

The Assistant Minister of Labour (Enche' V. Manickavasagam): Mr. Speaker, Sir, I rise to support the motion by the Honourable the Prime Minister. His Majesty's simplicity, graciousness and dignity have placed him well in the hearts of the people of our country. I had the privilege and honour of serving in the Executive Council of the Selangor State Assembly under the chairmanship of His Majesty and during those periods, was able to know well His Majesty's keen interest in the welfare of the people. I was returned to this House from His Majesty's royal town of Klang and, therefore, have special reason to be happy and to congratulate His Majesty on his election to the office of the Yang di-Pertuan Agong and to express to His Majesty whole-hearted devotion.

The Minister of Health and Social Welfare (Dato' Ong Yoke Lin): Mr. Speaker, Sir, needless to say that I support whole-heartedly the motion by the Honourable the Prime Minister. We have a most enlightened and progressive Ruler who will uphold all the highest principles of parliamentary democracy and our system of constitutional monarchy. I too had the privilege

and honour of being on the Council of State of Selangor for several years and I have also had the privilege of knowing His Majesty as the Sultan of Selangor for many many years. He has always shown his great concern for the welfare and well-being of all his peoples regardless of race or creed, especially in the welfare of the poor, the under-privileged, and those unfortunate people who suffer physical handicaps. I am sure, Sir, we will have continued and yet greater prosperity and peace under the reign of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong.

Enche' Chan Swee Ho: Mr. Speaker, Sir, on behalf of the people of Ulu Kinta, I strongly support and associate myself with all the remarks already made.

Dato' Onn bin Ja'afar (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Yang di-Pertua, sementara saya menyokong chadangan yang di-kemukakan oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri tadi, saya suka juga mendatangkan sadikit tegoran atas nama atau gelaran Yang di-Pertuan Agong itu. Oleh kerana kerap kali saya dapati, terutama sa-kali dalam surat-khabar bahasa orang Puteh, Yang di-Pertuan Agong itu di-gelar His Majesty the King dan kadang² Permaisuri Agong di-gelar Queen. Menurut Undang² Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, ada pun Fasal 32 menyatakan hendak-lah ada sa-orang ketua Besar dan bergelar Yang di-Pertuan Agong bukan King atau Queen atau President atau lain², melainkan gelaran-nya ia-lah Yang di-Pertuan Agong. Dan dari itu saya minta kepada Kerajaan supaya mengeluarkan perentah kapada surat-khabar yang biasa mengelirukan—suka mengelirukan dalam kehendak Undang² Persekutuan dengan memberi gelaran His Majesty the King dan Her Majesty the Queen kepada Yang di-Pertuan Agong dan juga kepada Raja Permaisuri Agong.

Tegoran saya yang kedua ia-lah berkenaan dengan perlantikan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Maka di-dalam akhbar orang Puteh juga ada menyatakan: "Sir Hishamuddin Alam Shah telah di-lantek menjadi Yang di-Pertuan Agong." Sa-tahu saya sa-sudah Undang² ini di-luluskan pada

tahun 1957, kalau tidak salah ingatan saya, Yang Teramat Mulia telah ber-kata ia-itu gelaran² bangsa asing tidak akan di-gunakan dalam Persekutuan Tanah Melayu. Tetapi nampaknya maseh ada surat-akhbar bangsa orang Puteh membesar-kan² gelaran "Sir" itu; gelaran "Sir" itu ada-lah satu gelaran kebanyakan. Manakala gelaran "Sultan" itu bukan sa-barang orang yang boleh bergelar "Sultan", di-Tanah Melayu chuma 7 orang; manakala yang 2 lagi, sa-orang Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan yang sa-orang lagi Raja Perlis.

Maka oleh yang demikian, saya minta-lah kapada pehak Kerajaan mengeluarkan satu perentah bagi menjadikan chontoh kapada surat-akhbar yang suka membesar-kan bangsa asing yang juga mengelirukan ra'ayat di-sini atas gelaran Yang di-Pertuan Agong itu (*Tepok*).

Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pehak seluroh kaum ibu Persekutuan Tanah Melayu ini ada-lah menyokong atas chadangan Perdana Menteri kita pada menyampaikan uchapan tahniah kapada ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, yang Pertama, saya suka menguchapkan banyak² terima kaseh di atas sokongan yang di-dapat dari-pada pehak parti² yang mewakili ra'ayat di-dalam Dewan ini. Yang kedua, sa-bagaimana lazim-nya, Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan ada sahaja-lah mengeluarkan perchakapan yang berlainan daripada orang lain (*Ketawa*) itu telah menjadi perkara biasa. Tetapi yang sa-benar-nya saya ta' dapat hendak sebutkan dengan tepat-nya di-sini bagaimana-kah mulanya yang di-tentukan bahawa gelaran Yang di-Pertuan Agong itu ia-lah dengan gelaran His Majesty, tetapi dalam ingatan saya, dalam perbin-changan yang panjang lebar yang telah di-adakan di-England dan juga di-sini bahawa perasaan ra'ayat jelata negeri ini apabila kita lantek sa-orang Ketua

Negeri ini, tidak-lah kita suka beri tempat yang kedua kepada-nya dari-pada mana² Raja. Jadi dengan kerana itu-lah kita tidak redza tempat yang kedua dan tidak menerima Queen of England atau mana² King atau Queen mengaku sa-bagai Raja di-sini. Kita pun bersetuju di-gelarkan Yang di-Pertuan Agong itu dengan gelaran His Majesty, jika kita faham ma'ana His Majesty, saya pun tidak ada dictionary hendak terjemahkan segala ma'ana-nya yang di-sebutkan di-dalam-nya itu, tetapi fahaman saya His Majesty itu-lah King dalam bahasa Inggeris, kalau saya silap, saya minta ma'af. Jadi kerana itu-lah sunggoh pun dalam bahasa Melayu di-sebut Yang di-Pertuan Agong, tetapi apabila di-sebut dalam bahasa Inggeris, kita katakan King, jadi dengan kerana itu-lah newspapers berhak, kalau hendak sebutkan dengan rengkas King. kita tidak-lah ada tegoran.

Saya setuju dengan Yang Berhormat itu mengatakan Raja kita menggunakan gelaran daripada British atau United Kingdom saperti "Sir" saya biasa mendengar dan saya telah membawa tegoran itu kapada newspapers, dalam pada itu kesilapan memang-lah selalu berbangkit, tetapi di atas gelaran yang di-sebutkan itu telah pun di-beri tahu kepada newspapers sa-bagai peringatan. Dan saya telah pun mema'alumkan kapada Sultan di-sebutkan nama gelaran "Sir" Sultan pun tidak bersetuju hendak memakai "Sir" lagi.

Dengan ini saya menchadangkan usul saya ini di-majukan.

Question put, and agreed to, *nemine contradicente.*

Resolved,

That an humble Address be presented to His Majesty—

To congratulate His Majesty on his election to the office of the Yang di-Pertuan Agong;

To express to His Majesty the loyal devotion of this House and our firm conviction that with God's blessing, His Majesty will throughout his term of office continue the example of His late Majesty and further the welfare and happiness of the people of the Federation.

ANNOUNCEMENTS BY MR. SPEAKER

MESSAGE OF CONDOLENCE FROM THE JAPANESE HOUSE OF REPRESENTATIVES

Mr. Speaker: Ahli² Yang Berhormat, saya hendak mema'alumkan kapada Majlis ini, saya telah menerima telegram daripada Yang di-Pertua Majlis Dewan Perwakilan Negeri Jepun yang bunyi-nya :

"Kami menguchapkan ta'ziah atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Abdul Rahman, Yang di-Pertuan Agong.

Ichiro Kiyose."

TITAH UCHAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG (HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S SPEECH)

Mr. Speaker: Saya hendak mema'alumkan lagi kapada Majlis ini ia-itu Majlis ini pada 19 haribulan April, 1960 telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-Dewan Tunku Abdul Rahman. Duli Yang Maha Mulia dengan limpah kurnia-nya telah mengeluarkan Titah uchapan kapada kedua² Majlis Parliment. Saya telah perentahkan ia-itu suatu salinan uchapan ini di-bagikan kapada Ahli² Majlis ini dan di-chapkan dalam Parliamentary Debates.

**Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,
Tuan Yang di-Pertua Dewan
Ra'ayat dan Yang Berhormat
Ahli² Dewan Negara dan Dewan
Ra'ayat:**

Sa-belum Beta melafadzkan uchapan Beta pada hari ini mari-lah kita bersama² berdo'a ka-hadzrat Allah Subhanahu wata'alha moga² di-chuchuri-nya rahmat ka-atas roh Al-marhum Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Abdul Rahman ibni Al-marhum Tuanku Muhammad dan mengucapkan ta'aziah kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Tunku Khursiah, Permaisuri Al-marhum Baginda. Di-sapanjang masa yang

sinkat Al-marhum bersemayam di atas singgahsana Kerajaan sa-bagai Yang di-Pertuan Agong yang pertama Al-marhum telah memerentah dengan 'adil lagi bijaksana. Ra'ayat jelata sakalian telah menumpahkan ta'at setia dan kaseh sayang kapada Baginda dan Al-marhum telah menunjukkan suatu chontoh yang gilang gemilang yang harus di-kenang oleh Yang di-Pertuan Agong—Yang di-Pertuan Agong kemudian daripada Al-marhum itu. Kita bersama² menyertai perasaan duka nestapa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Tunku Khursiah atas kemangkatan Al-marhum itu. Duli Yang Maha Mulia sa-sunggoh-nya sentiasa bersama² disisi Al-marhum membantu pada menjayakan tanggongan Al-marhum yang berat². Sambil ra'ayat Negara ini bermashghul, mereka juga berasa megah dengan pemerentahan kedua² Baginda itu.

Sekarang Beta minta tuan² bersama² Beta bangun bertafakkur sa-lama dua minit sa-bagai tanda hormat dan kedukaan kita.

**Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,
Tuan Yang di-Pertua Dewan
Ra'ayat, Yang Berhormat Ahli²
Dewan Negara dan Dewan
Ra'ayat:**

Dalam uchapan Beta yang pertama kepada tuan² sa-bagai Yang di-Pertuan Agong maka Beta mengambil peluang berikrar bahawa Beta bersama² dengan Raja Permaisuri Agong akan berkhidmat kapada ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu dan akan menegakkan dasar² demokrasi dan pemerentahan yang berperlembagaan. Beta berdo'a moga² dalam masa pemerentahan Beta, Parlimen ini ia-itu termasok-lah Beta dan tuan² sakalian akan memimpin negara kita ini ka-arah keamanan dan kema'amoran.

Meshuarat² Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang di-adakan sa-lepas iuu ada-lah meshuarat² yang amat penting, kerana Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan akan di-bahathkan. Ada pun perkara yang tersangat penting dalam Rang Undang² ini ia-lah berkenaan dengan langkah hendak memasukkan ka-dalam Perlembagaan negara ini kuasa² bagi menahan sa-sa-orang dengan tujuan menchengah ia-nya

daripada melakukan perbuatan² yang mengancham keselamatan negara ini. Tentang perkara ini jangan-lah di-khuatirkan. Kerajaan Beta telah mengambil langkah ini hanya dengan mengikut chontoh tauadan beberapa buah negeri lain yang telah menyempurnakan kewajipan-nya bagi menjamin keamanan dan ketenteraman dalam negeri bagi fa'edah ra'ayat yang di-wakili mereka. Tidak ada apa² yang boleh menyebabkan sa-saorang ra'ayat yang ta'at setia berasa bimbang dengan pindaan ini. Lain² perkara yang penting dalam Rang Undang² ini ia-lah berkenaan dengan penyusunan sa-mula surohanjaya² perkhidmatan supaya lebeh sempurna menjalankan tugas²-nya; perkara mengadakan sa-buah Majlis Negara bagi menyatakan dasar dan undang² Kerajaan tempatan, perkara memindahkan kapada Kerajaan akan tanggong jawab kerja pendaftaran warga negara yang sekarang ini di-jalankan oleh Surohanjaya Pilehan Raya, dan perkara mengubah satu sharat kelayakan bagi pengundi² kerana pilehan² raya Parlimen dan negeri. Berkenaan dengan sharat kelayakan pengundi² itu Beta suka hendak menyebutkan ia-itu Kerajaan Beta hendak mengadakan Undang² yang menentukan bahawa sharat kelayakan yang baharu itu akan terpakai juga bagi pilehan² raya Kerajaan tempatan dan urusan menjalankan segala pilehan raya yang tersebut itu tadi termasok-lah pilehan² raya Majlis Meshuarat tempatan, lama kelamaan kelak di-serahkan kapada Surohanjaya Pilehan Raya. Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini mengandungi semua pindaan² yang mustahak yang hendak di-buat oleh Kerajaan Beta pada masa ini, akan tetapi Kerajaan Beta sakali² tiada akan menchuaikan kewajipan-nya bagi mengulang kaji perjalanan Perlembagaan negara ini pada sa-tiap masa.

Perkara yang besar dalam dasar Kerajaan Beta bagi penggal Parlimen yang akan datang ini ia-lah dalam usaha memajukan kawasan² luar bandar. Kemajuan yang banyak telah di-laksanakan dalam perkara menghasilkan tujuan ini ia-itu dengan tertuboh-nya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan terlantek-nya sa-buah

Majlis Kebangsaan Pembangunan Luar Bandar yang mengandungi semua Menteri² yang berkenaan serta dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Dalam tiap² buah Negeri dan daerah telah di-tubohkan sa-buah jawatan kuasa pembangunan luar bandar dan sa-buah badan telah di-adakan bagi menjayakan ranchangan². Kerajaan Beta. Satu daripada hal² yang penting sa-kali ia-lah memberi tanah kepada orang² yang tiada memileki tanah langsung atau kepada orang² yang mempunyai tanah yang tidak chukup mendatangkan hasil untuk kehidupan-nya. Bagi membantu kerja Lembaga Kemajuan Tanah itu maka Kerajaan Beta telah mengadakan Rang Undang² Penempatan Beramai². Rang Undang² ini akan di-bahathkan di-dalam meshuarat Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang akan datang. Apakala di-luluskan kelak maka undang² ini akan memudahkan kerja membuka kawasan² penempatan beramai² dan kerja memberi tanah kapada mereka yang belum memileki tanah. Kerajaan Beta telah berunding dengan Kerajaan² bagi Negeri² tentang chara² dan jalan² bagaimana hendak memperbaiki lagi alat pentadbiran tanah supaya dapat di-penohi permohonan orang² yang makin bertambah² banyak berhajatkan tanah di-seluroh negeri ini. Beta suka menegaskan lagi di-sini bahawa ada-lah menjadi dasar tetap Kerajaan Beta, ia-itu dengan kerjasama Kerajaan² negeri, hendak memberi tanah kapada ra'ayat negeri ini yang berkehendakkan tanah untuk nafkah kehidupan mereka. Tanah yang di-beri kepada mereka itu akan mempunyai kawasan seluas yang menchukupi bagi fa'edah ekonomi mereka supaya dengan yang demikian dapatlah tiap² sa-orang ra'ayat negeri ini merasai kebahgiaan hidup menurut keadaan darjah kehidupan yang sesuai dengan taraf dan kedudukan mereka sa-bagai satu bangsa yang merdeka.

Dalam usaha memajukan kawasan² luar bandar maka Kerajaan Beta akan memberi keutamaan kepada kerja² membuka jalan² raya di-kawasan² luar bandar sama ada di-kampung² yang telah lama terbuka demikian juga di-kawasan² tempat kediaman yang baharu di-buka. Lembaga Kemajuan

Kampong dan Perusahaan akan menjalankan tugas yang penting dalam usaha memajukan kawasan² luar bandar itu dengan ranchangan²-nya bagi melatah orang² kampung supaya membaiki darjah kehidupan mereka. Lembaga itu akan menumpukan perhatian-nya yang utama dalam perkara memberi galakan bagi membuka perusahaan² di-rumah serta perusahaan² kecil dan mengadakan wang kerana perusahaan dan perniagaan kampung. Kerajaan Beta bukan-lah sa-mata² hanya mengambil berat dalam perkara pertanian dan perusahaan² kampung. Orang² Melayu akan di-galakkan supaya mengambil bahagian yang lebih besar dalam perusahaan lombong ia-itu dengan chara menjalankan penyiasatan menchari bijeh dalam kawasan² tanah simpanan untuk orang Melayu dengan perbelanjaan Kerajaan dengan tujuan hendak menggalakkan supaya ramai orang² Melayu membuat permohonan membuka lombong dan juga dengan chara memberi hadiah pelajaran kapada mereka untuk belajar bagi melayakkan diri mereka memegang jawatan² yang tinggi dalam perusahaan itu.

Sa-lain daripada menegaskan perkara hendak memenohi hajat berkehendakkan tanah itu maka Kerajaan Beta akan menumpukan usaha-nya untuk meninggikan ekonomi negara. Kerajaan Beta akan chuba meninggikan darjah pertanian dengan jalan menggunakan chara² baharu. Usaha melaksanakan tujuan ini akan mula maju sa-tapak apabila Jabatan Pengajian 'Ilmu Pertanian di-buka kelak di-University Malaya di-Kuala Lumpur dengan bantuan Kerajaan New Zealand. Malang-nya Yang Amat Berhormat Tuan Walter Nash, Perdana Menteri New Zealand yang telah di-jemput membuka Jabatan itu terpaksa menanggohkan lawatan-nya ka-sini oleh kerana kemangkatan Almarhum Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda. Sunggoh pun demikian maseh ada harapan yang beliau akan dapat datang menyempurnakan isti'adat itu pada satu hari kelak. Pada tahun ini satu banchi pertanian akan di-adakan. Apabila siap banchi ini Kerajaan Beta akan dapat mengumpulkan beberapa

banyak kenyataan yang berguna bagi tujuan memperbaiki lagi kehidupan orang² kita yang tinggal di-kawasan² luar bandar. Usaha menanam pokok² padi yang lebuh baik supaya bertambah banyak hasil-nya akan di-jalankan terus menerus dengan pertolongan Kerajaan Jepun. Dengan yang demikian itu negara kita akan lebuh chepat menge-luarkan beras yang menchukopi untuk keperluan sendiri dengan tiada payah bergantong kapada beras yang di-bawa dari negeri lain. Penanam² padi akan di-galakkan menggunakan baja dengan seluas²-nya dan penyiasatan sedang di-jalankan sekarang untuk mengetahui kira-nya baja itu dapat di-keluarkan di-negeri ini supaya senang penanam² itu mendapat-nya. Penyiasatan ada-la-h juga sedang di-jalankan untuk mengetahui sama ada boleh di-buka atau tidak kilang kertas yang menggunakan jerami padi. Kerajaan Beta telah men-jamin harga padi negeri ini hingga sekarang dan berusaha supaya pe-nanam² padi membuka lebuh banyak lagi kilang² padi dengan jalan kerja sama yang menjualkan padi mereka dengan sa-baik² harga. Kawasan² sawah padi yang ada parit dan tali-ayer telah bertambah dari dua ratus tujuh puluh ribu ekar pada tahun 1956 menjadi lima ratus dua puluh ribu ekar, dan kawasan tanam²an lain telah bertam-bah dari dua ratus lapan puluh dua ribu ekar menjadi tiga ratus lapan puluh ribu ekar. Parit² dan tali-ayer akan terus juga di-buat di-kawasan² yang belum ada parit dan tali-ayer. Nelayan² akan terus di-bantu dengan melebuh-kan penggunaan chara² menangkap ikan yang lebuh baik, dengan membuka kilang² ayer batu dan menggalakkan berpindah ka-tempat² yang di-khaskan bagi mereka supaya mereka dudok ter-kumpul untuk kebaikan ekonomi mereka. Pendudok² negeri ini akan di-galakkan memelihara ikan darat untuk makanan sendiri dan menjadi mata pencharian demikian juga akan di-galakkan menternak binatang; negeri ini sudah pun dapat mengadakan sendiri lebuh daripada 80 peratus daripada daging, ayam, itek dan telor yang menjadi makanan pendudok²-nya dan ini akan bertambah lagi. Berkenaan dengan hal ehwal hutan maka Kerajaan Beta akan menjalankan dasar yang

akan membawa kapada kemajuan. Kerajaan Beta akan menumpukan usaha-nya untuk meluaskan pergunaan pasaran barang² kampong dengan chara sharikat bekerjasama dan akan terus menerus berikhtiar supaya orang² kampong tiada sentiasa berhutang kapada pemodal².

Dalam lapangan perdagangan dan perusahaan, Kerajaan Beta sentiasa akan menyokong dan menggalakkan kemajuan hasil² utama negeri ini. Ranchangan² menanam getah sa-mula yang telah berjaya itu akan terus di-jalankan dengan tujuan hendak membantu pe-kebun² kecil mengeluarkan getah dengan lebuh banyak dan lebuh baik lagi mutu-nya dengan tiada banyak memakai belanja, serta membuat jaminan supaya negeri ini kekal sa-bagai sa-buah negeri yang banyak sa-kali mengeluarkan getah dalam dunia ini. Kerajaan Beta akan memberi per-hatian yang lebuh berat lagi tentang mutu dan banyak getah yang di-keluarkan. Bagi kepentingan² perusahaan bijeh yang pada masa ini hanya meng-hadap sekatan kecil² sahaja dari Per-janjian Bijeh Antara Bangsa, dan menurut dasar 'am Persekutuan Tanah Melayu yang menyokong ranchangan² Antara Bangsa bagi menegohkan harga hasil² utama negeri ini, maka wakil² Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan bersama² hadhir dalam persi-dangan yang akan di-adakan di-New York pada tahun ini untuk menimba ngkan rangka suatu perjanjian baharu.

Ada pun dasar Kerajaan Beta dalam perkara hendak memaju dan mem-banyakkan perusahaan supaya negeri ini tiada bergantong kapada getah dan bijeh sa-mata² sekarang ini sedang mendatangkan hasil dan dasar ini akan di-jalankan dengan tegas dan tidak keluar dari garisan dasar Kerajaan hendak menggalakkan pemodal² tem-patan dan luar negeri membuka perusahaan di-negeri ini. Sa-buah pusat memajukan penghasilan akan di-tuboh-kan untuk mengelokkan lagi chara² membuka perusahaan dan Kerajaan Beta ada-la-h juga sedang menimbang-kan bagaimana chara yang sa-baik²-nya dapat di-pergunakan pengetahuan sains dan hasil² penyelidikan sains bagi muslihat perusahaan. Sa-lain dari pada

itu Kerajaan Beta sentiasa akan memberi perhatian khas kepada perkara menambah bekalan letrik bagi kegunaan perusahaan, bagi kegunaan kawasan² luar bandar dan bagi orang² yang akan menggunakan kuasa letrik di-mana² juga pun. Lembaga Pusat Letrik telah menubohkan sa-buah jawatan-kuasa khas untuk menyusun suatu ranchangan meluaskan bekalan letrik supaya sampai ka-kawasan² luar bandar.

Dalam hal perdagangan, Kerajaan Beta yang telah sama menyertai Perjanjian 'Am berkenaan dengan Chukai² dan Perdagangan, sentiasa akan mengikut lunas² perjanjian yang di-buat oleh berbagai² negeri tetapi akan mengokohkan-nya lagi dengan perjanjian² yang di-buat antara dua buah negeri kerana hendak memelihara barang² dagangan kita yang di-bawa keluar negeri yang mustahak bagi ekonomi negara kita. Satu perkara yang penting dalam dasar perdagangan kita ia-lah memberi perlindongan kepada perusahaan² yang sedang dimajukan di-negeri ini ia-itu dengan menchegah perbuatan membawa barang² itu dari luar dengan berlebih-lebihan dan mengenakan chukai yang tinggi ka-atas-nya. Usaha menggalakkan saudagar² negeri ini bermula dengan negeri² lain akan di-jalankan dengan bersunggoh² lagi. Demikian juga Kerajaan Beta akan memberi perhatian kepada usaha menggalakkan perusahaan pelanchong dengan bekerjasama dengan badan² yang di-usahakan oleh sa-saorang dan pertubuhan² antara bangsa.

Dasar berkaitan dengan alat² pengangkutan dan kenderaan di-perluaskan bagi menyokong ranchangan² pembangunan luar bandar, ranchangan² meluaskan ekonomi dan perusahaan supaya mengadakan kemudahan bagi penumpang, barang² dan pelabuhan ia-itu suatu perkara yang mustahak dalam usaha memajukan negeri ini. Khas-nya Kerajaan Beta akan meneruskan usaha membesarkan Pelabuhan Port Swettenham dan akan menyiapkan satu ranchangan membina jalan raya yang lengkap bagi beberapa tahun yang akan datang.

Demikian juga ranchangan membina jalan raya dan membuat jambatan akan di-persesuaikan dengan ranchangan² kemajuan dengan mengutamakan kerja mengadakan jalan² raya di-tempat² yang belum ada jalan dan memperelokkan jalan² besar yang ada sekarang pada mana² tempat yang mustahak supaya memudahkan perjalanan membawa barang² yang diluarkan daripada kawasan² luar bandar atau untuk mensimbangkan dengan bertambahnya kereta lalu lintas yang telah bertambah banyak di-sebabkan oleh kemajuan dan perkembangan perusahaan negara ini. Kerja akan di-mulakan untuk membina jalan Rompin-Endau kerana tujuan hendak membuka sa-buah kawasan yang di-jangkakan subor di-Pahang Timor, dan jalan raya sepanjang 26 batu dari Gunong Keriang di-Kedah ka-Sungai Baharu di-Perlis dengan tujuan supaya ada jalan melalui kawasan² sawah padi yang ramai penduduk-nya kerana jalan² yang ada sekarang ini tiada mencukupi. Pada tahun ini wang telah di-sediakan untuk mengadakan bekalan ayer, dan kewajipan membuat pelan serta menyatukan kerja terpulang-lah kapada Kerajaan Persekutuan, dan banyak lagi ranchangan² perbekalan ayer ini yang sedang dalam timbangan.

Perkhidmatan² pos dan talikom negara ini boleh-lah di-katakan telah maju juga tetapi usaha mengelokkan lagi perkhidmatan² itu akan di-jalankan mengikut sa-banyak mana wang yang dapat di-gunakan. Undang² Talikom terpaksa-lah di-pinda oleh sebab chadangan hendak menukar pusat² talipon yang menggunakan tenaga manusia dengan pusat² talipon yang memakai alat jentera dan juga kerana chadangan hendak memudahkan peratoran berchakap melalui talipon antara dua tempat yang berjauhan.

Kerajaan Beta hendak menjalankan ikhtiar supaya perkhidmatan² masyarakat tidak akan terchichir jauh dari pada kemajuan besar sa-bagaimana yang di-ranchangkan bagi kemajuan ekonomi. Dalam hal pelajaran sa-buah Jawatan-Kuasa Mengkaji Sa-mula telah di-tubohkan dan Jawatan-Kuasa ini akan memberi tahu Parlimen dalam

penggal Parlimen yang akan datang ini berkenaan dengan perkara menjalankan dan mengelokkan dasar pelajaran yang telah di-luluskan dalam tahun 1956, ia-itu pada fikiran Kerajaan Beta ia-lah suatu dasar yang baik. Sa-buah jawatan-kuasa telah pun mula menim-bangkan perkara hendak mengadakan pelajaran Ugama Islam dalam sekolah² yang di-bantu Kerajaan.

Bantuan kepada sekolah² ugama yang di-usahakan oleh ra'ayat akan di-tambah. Sunggoh pun perkembangan pelajaran itu pada akhir-nya akan menguntungkan kawasan² luar bandar tetapi Kerajaan Beta memberi pan-dangan yang istimewa kepada langkah memperbaiki sekolah² luar bandar dengan jalan mengadakan guru² dan bangunan² yang lebuh baik untuk mereka dan dengan chara mengumpulkan semula sekolah² yang berselerak itu. Kira² \$11,000,000 daripada wang ranchangan besar bagi kemajuan Pelajaran yang berjumlah \$20,000,000 bagi tahun 1960 itu akan di-tumpukan ka-kawasan² luar bandar. Sa-lain dari itu murid² yang terbaik daripada kampung² akan berpeluang mendapat pelajaran sekolah menengah dan belajar dalam Form enam di-sekolah² mene-nghang yang ada tempat² kediaman atau dengan menumpang di-asrama² yang di-khaskan di-sekolah² menengah yang ada pada masa ini. Bilangan sekolah² pertukangan luar bandar bagi budak laki² yang sekarang di-namakan Sekolah Lanjutan Kampung itu, akan di-tambah lagi dan ada-lah menjadi dasar Kerajaan Beta hendak mengadakan juga sekolah² seperti itu bagi budak² perempuan. Ada-lah menjadi chita² Kerajaan Beta hendak mengadakan aliran kelas² yang menggunakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar-nya dalam sekolah² rendah yang dahulu-nya di-jalankan oleh Kerajaan dan menambah bilangan kelas² menengah yang meng-gunakan bahasa kebangsaan. Kursus latehan di-Maktab² dan di-Pusat Latehan Guru² bagi sekolah rendah telah di-pinda dalam tahun ini supaya kesemua guru² yang belum lagi mendapat latehan dan yang di-kehendaki mengajar kelak dalam bahasa Melayu akan di-beri latehan bahasa Melayu sa-bagai bahasa yang kedua. Hasil

yang akan di-perolehi dari perubahan ini ia-lah mulai dari akhir tahun 1962 kesemua Maktab² dan Pusat² latehan itu akan mengeluarkan guru² yang kesemua-nya boleh mengajar menerusi bahasa Melayu dalam semua mata pelajaran sa-kurang²-nya sa-hingga Darjah III. Mengikut Ranchangan Pelajaran Lanjutan yang di-buat oleh Kementerian Pelajaran lebuh daripada dua puloh tiga ribu orang murid sedang belajar bahasa kebangsaan dan sa-buah jawatan-kuasa sedang menim-bangkan perkara hendak meluaskan pelajaran dewasa dalam bahasa ini; pada masa ini pelajaran dewasa adala-h di-bawah tanggong-jawab Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kursus permulaan khas bagi budak laki² daripada kawasan² kampung akan di-mulakan di-Maktab Teknik supaya mereka mempunyai kelayakan mem-pelajari kursus diploma di-Maktab itu. Sa-lain dari itu kursus pelajaran kejuruteraan yang penoh akan di-adakan di-Maktab itu. Kerajaan Beta akan mengkaji perkara hendak memberi pelajaran rendah dengan perchuma dan berchadang hendak mengambil lang-kah supaya murid² yang berhenti sekolah hendak-lah sa-kurang²-nya berumor lima belas tahun.

Di-sini Beta hendak menyebut sa-dikit tentang sangkaan² yang telah timbul di-sebabkan oleh penyata Juru Odit Negara bagi tahun 1958 mengatakan wang yang di-untokkan bagi pelajaran dalam tahun itu telah di-belanjakan dengan tiada tentu. Sa-benar-nya bukan-lah demikian yang di-katakan oleh Juru Odit Negara itu, dan sangkaan² itu tiada-lah betul. Dalam meshuarat Dewan Ra'ayat yang akan datang ini Kerajaan Beta akan membentangkan satu kertas meshuarat yang Beta harap ahli² kedua² buah Dewan Parlimen akan mengkaji-nya supaya mereka dapat membetulkan salah faham yang harus ada di-sisi orang ramai oleh mendengar tuduhan² yang tiada bertanggong-jawab itu.

Kerajaan Beta sentiasa akan menjalankan usaha-nya menjaga kesihatan dan kebijikan ra'ayat di-seluroh negara ini, dengan memberi perhatian yang utama kapada kesihatan di-kawasan luar bandar, mengadakan khidmat²

bagi menjaga kesihatan ibu² yang ber-salin, perkhidmatan kebajikan kanak² dan perkhidmatan gigi di-kawasan luar bandar yang belum ada khidmat² itu. Ranchangan² khas di-luar bandar bagi menghapuskan penyakit kepialu serta penyakit untut dan puru akan di-jalankan saperti sekarang ini juga. Usaha melengkapkan rumah² sakit dengan alat² perkakas baharu akan di-jalankan dengan memberi keutamaan kepada rumah sakit Kuala Lumpur dahulu. Dalam perkara meluaskan perkhidmatan² kebajikan, Kerajaan Beta akan memberi perhatian khas kepada kawasan² luar bandar itu. Demikian juga Kerajaan Beta tidak akan melupakan kawasan² luar bandar pada masa menjalankan dasar-nya hendak mengadakan rumah² murah.

Supaya ranchangan² Kemajuan-nya dapat di-jalankan dengan tiada ter-gendala, maka Kerajaan Beta akan terus mengembangkan perasaan menuju kapada perpaduan bangsa dan menchari jalan untuk mengekalkan keamanan, keselamatan dan perasaan berbaik² sangka di-antara satu sama lain di-seluroh negeri ini. Dalam usaha hendak menyatukan sakalian ra'ayat Negara ini maka Kerajaan Beta akan sunggoh² menggunakan Jabatan Penerrangan dan Jabatan Siaran Radio, dan tiada lama lagi kelak perkhidmatan² ini harus akan di-bantu oleh perkhidmatan "television" pula.

Ada pun dasar Kerajaan Beta berkenaan dengan perhubungan² per-usahaan tiada akan berubah; Kerajaan Beta sentiasa menggalakkan dan membantu pekerja² dan majikan² bagi mengadakan pertubuhan² mereka sendiri dan menyelesaikan apa² pertelingkahan dengan jalan berunding dan berbaik². Sa-bagaimana tuan² sedia ma' alum bawah dengan ada-nya ranchangan² kemajuan Kerajaan Beta itu maka bertambah banyak-lah kelak orang² yang akan mendapat pekerjaan. Perkhidmatan menolong orang ramai menchari kerja akan di-besarkan lagi supaya orang² yang menchari kerja lebuh mudah mendapat peluang mengisi kerja² yang kosong.

Ranchangan Perlatehan Kebangsaan yang di-susun oleh Lembaga Pusat Perlatehan akan di-tumpukan di-dua

buah pusat latehan di-Pulau Pinang dan Ipoh dan ranchangan² yang di-jalankan oleh Lembaga itu akan me-neluarkan bertambah² banyak lagi bilangan pekerja² yang chekap yang di-kehendaki oleh kilang² dan perusa-haan² yang baharu di-buka. Pakar² daripada Pertubuhan Buroh Antara Bangsa telah menjalankan penyiasatan sama ada boleh di-adakan jaminan keselamatan musharakat di-negeri ini untuk fa'edah pekerja² yang mengang-gor dan sakit, penyata daripada Per-tubuhan itu belum-lah lagi di-terima.

Undang² akan di-jalankan kuat-kuasa-nya dengan 'adil lagi saksama dan chara² mentadbirkan ke'adilan akan di-jalankan dengan sempurna sa-bagaimana sekarang ini juga. Pada masa ini Undang² dalam negeri ini ada-lah sedang di-semak sa-mula dan jilid yang pertama mengandungi Undang² yang telah di-pinda dan di-tambah itu akan siap pada akhir tahun ini. Ada-lah juga di-harap hendak memulakan kerja menterjemah Undang² yang di-luluskan Parlimenta-dalam Bahasa Kebangsaan. Dalam perkara yang terutama sa-kali ia-itu berkenaan dengan mengekalkan ke-amaman dan ketenteraman, manakala kad² pengenalan yang baharu yang akan di-keluarkan lepas bulan June tahun ini akan mengambil satu baha-gian yang mustahak, maka Kerajaan Beta sentiasa akan memerhatikan perchubaan anasir² jahat yang hendak merosakkan keamanan dan kema-amoran negara kita ini. Bahaya ini ada-lah burok akibat-nya, dan Kerajaan Beta tiada akan mengechil²kan-nya. Maka itu-lah sebab-nya di-buat pindaan² kapada Bahagian XI dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang tuan² akan membahath-kan-nya dalam meshuarat² yang akan datang ini.

Kerajaan Beta akan terus juga meng-gunakan pengaroh-nya bagi muslihat keamanan, perasaan muhibah dan ketenteraman di-dalam dunia ini 'am-nya dan di-Tenggara Asia khas-nya. Kerajaan Beta sangat² menghargai tali persahabatan di-antara negeri² dalam lengkongan Commonwealth dan per-sahabatan ini telah bertambah kokoh baharu² ini dengan lawatan Perdana

Menteri Beta ka-Australia dan New Zealand demikian juga dengan lawatan Perdana Menteri Australia ka-negara kita ini. Dalam bulan May tahun ini Perdana Menteri Beta akan menghadiri Persidangan Perdana² Menteri Commonwealth di-London bagi kali yang pertama-nya dan dengan yang demikian neschaya-lah akan bertambah erat lagi perhubungan di-antara Negeri² di-dalam lengkongan Commonwealth. Sunggoh pun bagitu ikatan gabongan Commonwealth itu tidak-lah sa-kali² dapat mengabui mata kita dalam perkara membedza-kan warna kulit yang di-'amalkan oleh Kerajaan Afrikan Selatan, ia-itu suatu dasar yang bertentangan dengan perasaan kemanusiaan sejati. Dan Perdana Menteri Beta akan membawa satu chadangan supaya keadaan mendukachitan yang berlaku dalam negeri itu di-binchangkan dalam persidangan Perdana² Menteri itu pada bulan hadapan.

Kerajaan Beta akan terus menjalankan usaha bagi merangkakan ranchangan kerjasama di-antara negeri² dalam Tenggara Asia yang telah di-reka oleh Perdana Menteri Beta dan President Garcia. Ranchangan ini tak dapat tiada akan mengambil masa yang panjang bagi melaksanakan-nya. Dalam pada itu Kerajaan Beta akan merapatkan lagi perhubungan persahabatan di-Tenggara Asia bila² ada peluang. Lawatan President Ngoh Din Diem ka-negara kita baharu² ini telah mengkokkan lagi tali persahabatan kita dengan Vietnam. Untuk menjalankan dasar persahabatan ini maka Kerajaan Beta berchadang hendak membuka beberapa buah lagi pejabat² kedutaannya di-luar negeri, khas-nya di-Negeri² yang telah ada menubohkan pejabat² kedutaan-nya di-negara kita ini, mengikut banyak-nya wang dan tenaga pegawai yang dapat di-gunakan. Dalam segala perhubungan-nya dengan negeri² lain dan terutama sa-kali melalui Pertubohan Bangsa² Bersatu, Kerajaan Beta akan menggunakan pengaroh-nya untuk menyokong perluchutan senjata dan menentang apa² jua chara penjajahan di-mana² tempat dalam dunia ini. Dengan sebab itu-lah Kerajaan Beta telah mula² sa-kali mengambil tindakan mengemukakan masa'lah

Tibet supaya di-binchangkan dalam persidangan Pertubohan Bangsa² Bersatu. Kerajaan Beta berasa puas hati bahawa pendirian-nya dalam perkara tersebut telah mendapat sokongan dari kebanyakan penduduk² negara ini. Hal ini ada-lah ternyata apabila perwakilan yang bukan dari pehak Kerajaan negeri ini telah menghadiri Persidangan Seluroh India atas perkara Tibet pada awal bulan ini untuk mendzahirkan perasaan mereka berkenaan dengan hal yang telah berlaku di-Tibet itu.

Kedudokkan kewangan bagi masa hadapan menunjukkan harapan yang baik dan dengan yang demikian besarlah harapan kita akan mendapat kejayaan dalam Ranchangan Lima Tahun yang Kedua yang sedang di-susun itu. Ada-lah maksud Kerajaan Beta hendak menggunakan penghasilan yang berlebihan pada masa ini terutama-nya untuk kemajuan dan perkhidmatan² musharakat, khas-nya untuk pelajaran dan kesihatan; tetapi hal ini tiada-lah boleh di-jadikan sebab yang mematutkan untuk menambah semua perbelanjaan Kerajaan. Tujuan yang terbesar Kerajaan Beta ia-lah hendak mengekalkan kecekapan dalam perkhidmatan dan berchermat perbelanjaan kerana-nya. Perkara yang akan di-utamakan lagi ia-lah melatah pegawai² Kerajaan khas-nya pegawai² pentadbiran yang pada masa ini lebeh daripada tiga suku ia-lah pegawai² anak negeri ini. Usaha menchegah rashwah akan di-jalankan dengan bersunggoh² lagi supaya dapat menanam perasaan jujor dalam hati pegawai² Kerajaan dan orang ramai.

Dengan kejayaan²-nya dalam usaha menghapuskan dzarurat itu maka dapat-lah Kerajaan Beta menjalankan dasar² kemajuan. Oleh sebab usaha menentang Dzarurat itu sangat berhasil maka Kerajaan Beta berharap akan dapat mengishtiharkan Dzarurat ini tamat pada 31 haribulan July dan pada masa itu juga memansokhkan Undang² Dzarurat.

Apabila kita meninjau kapada keadaan yang terdapat dalam masa dua belas tahun yang lalu maka teringat-lah kita sa-mula akan masa² kesusahan

dahulu, masa itu kebanyakannya kita memikirkan sadikit benar harapan untuk menchcapai kemenangan. Mereka yang melawat Tanah Melayu sekarang ini tiada dapat mengagak keadaan² yang terdapat lima hingga sa-puloh tahun dahulu. Pada masa itu mereka tiada berani berjalan keluar bandar dengan tiada berkawal, tetapi bagi penduduk² negeri ini masa perbungahan dan serang hendap itu tiada akan dapat di-lupakan mereka. Kemenangan kita itu bukan-nya di-dapati dengan mudah, bahkan telah banyak jiwa dan wang terkorban. Hampir² dua belas tahun lama-nya kita telah menggunakan tenaga kita, jasmani dan rohani, dan segala sekatan² yang telah dikenakan ka-atas diri dan kehidupan kita telah menjadi kebiasaan kepada kita. Tetapi masa kesusahan itu akan tamat tiada berapa lama lagi dan sakalian ra'ayat negara ini sangat-lah berhutang budi kepada Pasokar² Keselamatan Tanah Melayu dan Commonwealth kerana keberanian mereka dalam masa itu. Beberapa kepujian telah di-sampaikan kapada mereka dan banyak di-antara mereka yang telah di-kurniakan bintang² kehormatan. Sa-sunggoh-nya ini ada-lah dengan sendiri-nya menjadi suatu riwayat kehandalan dan ta'tat setia pada menjalankan kewajipan dalam perjuangan yang lama lagi sukar.

Kerajaan Perikatan yakin bahawa negara ini tiada akan menchcapai sa-benar² keamanan melainkan keganasan Kominis di-hapuskan semua sa-kali. Oleh itu dasar Kerajaan Beta yang utama semenjak Merdeka ia-lah hendak menjadikan negeri ini aman dan membina-sakan sama sa-kali Party Kominis Malaya yang telah lama merosakkan keamanan dan kema'amoran tanah ayer kita. Negara kita sahaja-lah yang boleh di-katakan telah menentang dan mengalahkan pengganas² kominis. Dengan usaha yang tidak berhenti² dan ke'azaman yang kuat negara kita telah menchcapai kemenangan yang besar ini, ia-itu suatu kemenangan yang tidak ada tolok banding-nya dalam sejarah zaman ini. Di-atas kesusahan dan penderitaan ini kita bangun bersatu, tegoh dan tidak berbelah bahagi. Beta perchaya kejayaan

Kerajaan yang besar ini akan disambut dengan baik-nya oleh sakalian ra'ayat negara ini dan juga oleh sahabat² kita di-luar negeri. Kejayaan ini akan menjadi suatu riwayat yang gilang gemilang dalam sejarah negara kita.

Pada fikiran Beta patut-lah kita menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kapada sakalian ra'ayat negeri ini. Pada masa beberapa banyak orang masok menjadi ahli² Pasokan Keselamatan dan yang lain²-nya bersatu menjaga kampong² mereka, kebanyakannya pula telah menjalankan pekerjaan mereka masing² saperti biasa walau pun mereka dalam keadaan ketakutan dan menanggong berbagai² kesusahan. Mereka telah menjalankan kewajipan mereka di-pejabat², di-ladang², di-lombong² dan di-sawah² padi dengan berani kerana mereka sedar betapa burok-nya akibat yang akan terjadi jika orang² Kominis itu bermaharajalela. Sambil kita berjaga² memerhatikan 'anasir² jahat yang tiada alpa hendak menjatohkan Kerajaan dengan sulit dan meresap itu mari-lah kita bersama² memohonkan taufik dan hidayat daripada Allah supaya kemenangan yang telah kita chapai itu tiada sia-sia sahaja melainkan memberi peransang kapada kita untuk memulakan usaha membina Persekutuan Tanah Melayu yang lebuh aman dan lebuh ma'amor.

[The English translation is as follows—

Mr. President, Mr. Speaker, Honourable Members of both Houses of Parliament:

Before I address you to-day I should like you to join with me in an expression of the great respect which we all feel for the memory of His late Majesty Tuanku Abdul Rahman ibni Al-marhum Tuanku Muhammad and our deep sympathy for Her Majesty Tunku Kurshiah, His Consort. In the all too short a time since His election as the first Yang di-Pertuan Agong, His late Majesty, by His many qualities, endowed His high office with dignity and respect and the loyal devotion of our people and set a noble example of which His successors will ever be mindful. To Her Majesty Tunku Kurshiah,

who was constantly at His side, sharing His burdens and contributing to His success, we express our deep sorrow at Her loss. Even while it grieves, their country is proud of them both.

I ask you now to rise with me and stand for two minutes in silence as a mark of respect and sympathy.

Mr. President, Mr. Speaker, Honourable Members of both Houses of Parliament:

Addressing you for the first time as Yang di-Pertuan Agong, I pledge myself, with the Raja Permaisuri Agong to serve the people of the Federation and to uphold the principles of democracy and constitutional rule. I pray that during my term of office this Parliament of which you and I form part will guide our country along paths of peace and prosperity.

The ensuing meetings of both Houses will be important ones, for the Constitution (Amendment) Bill will be under debate. The most important single feature of this Bill is the provision for powers of preventive detention to be included in the permanent law in the interests of national security. This need cause no fear. In taking this step my Government is but following the example of many other countries whose Governments have shouldered squarely their responsibilities for securing internal peace and order in the interests of the peoples whom they represent. No loyal law-abiding citizen has cause to feel alarmed at this amendment. Other important features of the Bill are the reorganisation of the structure of the Service Commissions for greater efficiency, provision for a National Council to co-ordinate local government policy and legislation, the transfer of the responsibility for the registration of citizens from the Election Commission to the Government and a change in the qualification for electors for Parliamentary and State elections. In this last connection I may mention that my Government is introducing legislation under which the new qualification will apply also to local government elections and the conduct of all those elections including, in due course, those for local councils, will

be entrusted to the Election Commission. The Constitution (Amendment) Bill contains all the pressing amendments which my Government wishes to make at this time but my Government will, as in duty bound, continue to keep the working of the Constitution under constant review.

The key-note of my Government's policy for the coming session will be the development of the rural areas. Considerable progress has been made in the establishment of the machinery for this purpose with the creation of the Ministry of Rural Development and the appointment of a National Rural Development Council of all the Ministers most concerned under the chairmanship of the Prime Minister. In each state and district a rural development committee has been appointed and an organisation is set up for implementing my Government's plans. One of the most important aspects is the alienation of land to those who are landless or own uneconomic areas. To supplement the valuable work of the Land Development Authority my Government has introduced the Group Settlements Bill which will be debated at the forthcoming meetings of both Houses. This Bill when enacted will have the effect of facilitating the establishment of Group Settlement areas and of alienating land to the landless. My Government has had consultations with Governments of the States on ways and means of improving the machinery of Land Administration in order to satisfy the greatly increased demand for land throughout the country. I would like to reiterate here that it is the declared policy of my Government, with the co-operation of State Governments, to give land to those of our citizens who are in need of land to earn their living. The land so alienated will be of economic size so that each of our citizens will be able to have and maintain a standard of living compatible with the dignity of an independent nation.

In the development of rural areas my Government will give priority to the construction of rural roads both to established villages as well as to newly developed settlement areas. The Rural and Industrial Development Authority

will play an important role in the development of rural areas by its programmes of training the rural people to improve their standard of living. The Authority will lay particular emphasis on encouraging the establishment of cottage and small industries and the financing of rural trade and industry. My Government is not here concerned only with agriculture and strictly rural industries. Malays will be encouraged to take a greater part in the mining industry by the prospecting of Malay reservations at Government expense with a view to encouraging Malay applications and by training awards to fit them to take executive posts in the industry.

In addition to its emphasis on satisfying land hunger, my Government will aim at a general broadening of the national economy. In the field of agriculture it will attempt to raise standards by the application of new techniques and methods. A step forward in this direction will be the opening of the Agricultural Department of the University of Malaya in Kuala Lumpur with the generous help of the New Zealand Government. Unfortunately the visit of the Rt. Hon. Walter Nash, Prime Minister of New Zealand, who was invited to open the faculty, has had to be postponed because of the death of His late Majesty, but there is some hope that he may yet be able to perform the ceremony at a future date. This year will see the holding of an agricultural census which will provide my Government with much information that will be of value in improving the lot of our rural people. Work will continue with the help of the Japanese Government on the improvement of the yield and quality of padi, bringing the country nearer to self-sufficiency in its staple food. The extensive use of fertilisers will be encouraged and the possibilities of local production are being investigated to bring them within the reach of all farmers. The possibilities of a paper mill which will consume padi straw are also being examined. My Government has continued to support the padi price and aims to popularise still further the co-operative rice mills which secure for the cultivator the best return for his produce. Irrigation areas

under padi have increased to 520,000 acres from 270,000 in 1956, and areas under other cultivation to 380,000 from 282,000. Irrigation will be steadily extended. Fishermen will continue to be assisted by the increasing use of improved methods, by the building of ice plants and by encouraging re-grouping in communities of economic size. Emphasis will be laid on fresh water fish as a source of food and livelihood and on the keeping of livestock; the country already produces over 80 per cent of its meat, poultry and eggs, and this percentage will be increased. My Government will pursue a progressive forest policy. It will devote itself to the spread of rural co-operative marketing and will continue its successful struggle against rural indebtedness.

In the field of commerce and industry my Government will continue to support and foster the primary products. The successful rubber replanting schemes for smallholders will proceed with the object of assisting the production of more and better rubber at lower cost and ensuring that the country's position as the world's largest producer of natural rubber will be maintained. Increasing attention will be paid to the quality as well as the quantity of the product. In the interests of the tin industry, which is now suffering only from negligible restrictions under the International Tin Agreement, and in accordance with its general policy of supporting sound international schemes for stabilising the prices of primary products, the Federation will participate in the conference to be held in New York this year to consider the draft of a new agreement.

My Government's policy of industrial development and diversification to reduce the country's dependence on rubber and tin is bearing fruit and will be pursued progressively within the framework of the Government's policy of inducements to local and foreign capital alike. A productivity centre is to be set up to improve industrial organisation and my Government is also considering how best to make available to industry scientific knowledge and the results of scientific research. The expansion of electricity supplies for

industry, for the rural areas and for potential consumers everywhere will continue to occupy the special attention of my Government and the Central Electricity Board has established a special committee to formulate a programme of rural extension.

In trade, as a member of the General Agreement on Tariffs and Trade, my Government will continue to subscribe to the principles of multilateralism but will supplement this by bilateral agreements to safeguard the main export commodities on which our economy depends. The protection of the developing secondary industries, by anti-dumping measures and tariffs, will be an important feature of trade policy. Efforts to promote overseas trade will be intensified. Increasing attention will be paid to the development of the tourist trade in co-operation with private enterprise and international organisations.

My Government's transport policy will be developed in support of the plans for rural development, expansion of the economy and industrialisation so as to provide the passenger, goods and port facilities which are an essential element in the development of the country. In particular my Government will press on with the development of Port Swettenham and will prepare a comprehensive plan of road development for the years of expansion ahead.

The road-and bridge-building programme will likewise be geared to the plans for development, the emphasis being on the expansion of road communications, with improvements to the existing main trunk roads where these are needed to facilitate the movement of produce from the rural areas or to keep pace with the increase in traffic consequent on the country's industrial development and growth. A start will be made on the Rompin-Endau road to open up a potentially rich area in East Pahang and on the 26-mile road from Gunong Keriang in Kedah to Sungai Bharu in Perlis to provide communication through a densely populated rice area where the present facilities are inadequate. For water supplies, in connection with which the Federal Government's responsibility is confined

to design and co-ordination, a substantial sum has been made available this year and many more schemes are under consideration.

The postal services and telecommunications of this country are fairly advanced but no effort will be spared within the limitations of finance to make further improvements. The Telecommunications Ordinance will have to be amended in connection with technical changes which it is proposed to make in the conversion of manual exchanges to automatic work and the simplification of the trunk-call system.

last session of Parliament. It is this: there was a decision of the Public Accounts Committee at the meeting on the 3rd of February on certain matters; all the facts were made known to the Chairman and it was agreed unanimously by the Committee that the report should be on certain lines. Subsequently, another meeting was called on the 16th of February to reconsider the decision and amendments were made to it. I am not saying that the Committee or the Chairman has acted wrongly—the Chairman may have acted with very good intentions—but unless the Chairman himself is a Member of the Opposition, there is likely to be suspicion that the Chairman is being influenced by the Ministry. So this is a very good safeguard; we do not want any allegations to be made one way or another.

Finally, I must say that I am proposing a Member of the Opposition not because I feel that the Honourable Enche' Ahmad bin Mohamed Shah is incompetent. I am proposing a Member of the Opposition because of my belief, as stated by me initially. So I would appeal to the Government to look at this particular matter very objectively and to agree to my amendment.

Enche' D. R. Seenivasagam: Mr. Speaker, Sir, I rise to support the proposed amendment by the Honourable Member for Tanjong for the following reasons. The Public Accounts Committee deals as an agent for scrutiny of public funds which this House has allotted to various Ministries and other departments to spend on behalf of the people.

Mr. Speaker, Sir, the importance of having a Member not from the Government Bench as Chairman of this Committee is evident. It will be evident to anybody who is prepared to consider this matter purely on a question of which is safe, which is proper and what is right. I strongly support that Enche' Zulkiflee should be Chairman of this Committee for this reason. We have a proposal before us that a Member of the Government Bench should sit as Chairman. What is going to happen? Let us take a

specific case—let us take the Auditor-General's Report for 1958. Even before the Public Accounts Committee can sit on it, even before the Public Accounts Committee has considered this Report, we have Command Paper No. 14 of 1960 trying to explain away the 1958 Report of the Auditor-General. The 1958 Report has been considered of such great importance that even His Majesty the Yang di-Pertuan Agong has referred to the Report on the 1958 Accounts of this country. I am not for one moment suggesting that Enche' Ahmad bin Mohamed Shah would in any way not do his duties properly, but let us remember one principle—a principle which we apply in relation to justice. Justice must not only be done but it must be seen to be done, and that is an important point here. If we have a Member of the Government Bench sitting as Chairman of the Public Accounts Committee, although justice may be done, it will not be seen to be done. That is the most important point on which I strongly support the amendment proposed by the Honourable Member for Tanjong. Justice must not only be done but it must be seen to be done and the Public Accounts Committee must not only do its duty properly but it must be seen to do its duty properly and it cannot be seen to have done its duty properly when we have reference to Command Paper No. 14 of 1960 by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong and then get a Member from the Alliance Bench sitting as Chairman of this Committee. It is against all known principles of justice. It is right and proper for the people of this country to know that their accounts, their funds, are being properly taken care of by the Public Accounts Committee.

Mr. Speaker, Sir, at this stage, when the Government Bench so frequently says "we are prepared to hear constructive criticisms, we are prepared to co-operate with the Opposition if they are reasonable", it is strange to see that the Government Bench has not seen it proper that a Member from the Opposition should have been suggested to sit as Chairman of the

Public Accounts Committee. This is a matter of regret.

Mr. Speaker: There is an amendment moved by the Honourable Member for Tanjung and seconded by the Honourable Member for Ipoh. The amendment before the House is to delete the words "Enche' Ahmad bin Mohamed Shah" in the original motion and to substitute therefor the words "Enche' Zulkiflee bin Mohamed". The motion as amended is open to debate.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani (Pasir Mas Hulu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong chadangan daripada wakil dari Tanjung, ia-itu kami pehak pembangkang pada hari ini merasa, bahawa sanya dengan ada-nya pengerusi itu daripada pehak pembangkang, maka ini ada-lah menunjukkan di atas kejujoran dan keikhlasan pehak pembangkang sedia bekerja-sama dengan Kerajaan bagi faedah Kerajaan dan ra'ayat jelata. Maka patut-lah pehak Kerajaan hari ini menguchapkan terima kaseh di atas chadangan yang di-kemukakan oleh pehak pembangkang yang sedia memberi kerja-sama dengan Kerajaan sa-penoh-nya. Pehak kami tidak-lah chemburu hati sebabnya Kerajaan menchadang melantek Enche' Ahmad menjadi pengerusi tetapi chadangan yang di-kemukakan oleh pehak pembangkang ini ada-lah satu chadangan yang merupakan satu kerja-sama yang di-usahakan oleh pehak kami. Maka patut-lah pehak Kerajaan menimbangkan perkara ini dengan sa-halus²-nya supaya sumbangangan dan kerja-sama yang di-berikan oleh pehak pembangkang akan memberi fa'edah bagi pehak Kerajaan.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, kalau pehak Kerajaan sedia mengambil pengerusi daripada pehak pembangkang maka akan menjauhkan sak wasangka kerana kata-lah, satu perkara yang penting dan mustahak yang di-mesruaraskan oleh kerana pengerusi itu terdiri daripada pehak Kerajaan maka sak wasangka itu akan terbit di-sa-tengah² orang ramai. Ia-itu pengerusi itu harus-lah terpengaroh kapada Menteri Kewangan. Maka dengan yang demikian itu saya berdiri di-sini menyokong

dengan kuatnya chadangan yang di-datangkan oleh wakil Tanjong itu.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Malacca Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menentang di atas pindaan yang telah di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat wakil Tanjong dan di-sokong oleh Ahli Yang Berhormat wakil Ipoh. Saya berchakap di-sini ia-lah berbalek semula kepada perpaduan kita bersama ia-itu kita tidak boleh lari daripada bertanggong-jawab di atas soal negara kita, dan dengan sebab itu tidak-lah boleh kita mengubah sa-tengah² bahagian, kerana orang² yang hanya boleh kita memper-chayai-nya ia-lah dalam satu² tugas yang tertentu dan sebahagian yang lain yang kita fikirkan tidak pula boleh menjawab-nya. Dalam masa'alah ini, saya tidak nampak kalau sa-kira-nya kita orang yang pertama tadi di-mana pehak Kerajaan yang menchadangkan bahawa Yang Berhormat Enche' Ahmad bin Mohd. Shah menjadi Pengerusi Jawatan-Kuasa Kira² Wang Negara tidak dapat menjalankan kerjanya maka dengan demikian berbalek pula kita pada alasan yang di-keluarkan oleh orang yang meminda dalam perkara ini mengatakan kerja² itu akan dapat di-jalankan dengan baik sa-kiran-ya di-beri kerjasama atau pun di-beri kapada sa-saorang yang lain yang terdiri dari puak pembangkang. Dalam hal ini saya rasa bahawa maseh ada lagi perasaan atau pun wasangka yang tidak mahu bekerjasama di-mana ada ahli² yang sa-bahagian-nya suka mengemukakan perkara ini sa-kira-nya dapat kita bekerjasama dalam hal ini yang mana ini bukan-lah masa'alah Yang Berhormat Enche' Ahmad bin Mohd. Shah menjadi Pengerusi Jawatan-Kuasa Kira² Wang Negara menjadi soal pokok, tetapi di-sebalek-nya ia-lah berhubong dengan kerja² yang akan dibuat atau akan di-laksanakan pada masa yang akan datang yang sama² kita ma'alum supaya negara kita ini selamat semuga dapat kita memberi sokongan² yang baik dalam menjalankan tugas-nya itu.

Dari itu, patut-lah di-timbulkan semula oleh pehak peminda, kerana perkara ini yang mana saya rasa tidak-lah bererti terkeluar daripada apa

yang di-chadangkan oleh pehak Kerajaan.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju di atas pindaan ini dengan alasan² yang telah di-berikan oleh pehak pembangkang yang akan memberi satu keperchayaan penuh kepada tiap² perkara yang di-timbangkan oleh pehak Jawatan-Kuasa ini. Saya suka mengambil satu pandangan di atas perjalanan Public Accounts Committee yang telah lalu sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh pehak penchadang tadi di-mana kata-nya pada satu masa bahawa Public Accounts Committee ini telah meluluskan satu keputusan, tetapi Pengerusi-nya telah memanggil semula meshuarat untuk merundingkan keputusan itu. Saya suka menegaskan di-sini bahawa sa-saorang Pengerusi meshuarat itu tidak boleh memutuskan apa² perkara di-dalam-nya, walau pun Tuan Pengerusi itu boleh memanggil meshuarat, tetapi di-sebalek-nya pula jika Jawatan-Kuasa itu memutuskan di atas perkara² yang tepat maka rasa saya Pengerusi itu tidak akan menjadi soal; walau pun Pengerusi-nya bersimpati dengan Menteri² atau pun yang ber-hampiran dengan-nya namun Jawatan-Kuasa yang ada sa-ramai 5 orang yang bertanggong-jawab dan yang akan memberi keputusan mu'tamad berhubung dengan perkara baru itu.

Dari itu, rasa saya tidak-lah tepat sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh pehak pembangkang, kerana saya rasa sa-bagi sa-orang Pengerusi Jawatan-Kuasa Kira² Wang Negara tidak akan dapat di-pengarohi oleh Menteri² tegas-nya berhubong perkara dalam meshuarat itu. Oleh yang demikian, perkara² yang di-binchangkan itu ada-lah sarupa dengan pehak² Kerajaan yang mengeluarkan perka-taan² yang menentang dengan Kerajaan. Satelah saya baca report ini di-mana saya telah mengeluarkan pendapat² saya menentang Kerajaan, maka ini bukan-lah berma'ana saya di-pengarohi oleh Menteri² atau pun Kerajaan yang berkuasa malahan soal yang ada sekarang ia-lah berdasarkan dengan alasan² yang telah di-beri tadi.

Dengan ini saya rasa itu-lah sebab²-nya yang saya tak bersetuju di atas pindaan yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong di atas pindaan yang telah di-buat oleh penchadang wakil dari Tanjong, sebab²-nya ia-lah saya sendiri dahulu sa-bagai sa-orang Ahli Jawatan-Kuasa Kira² Wang Negara di mana saya telah mendapat pengalaman di-sana. Kebetulan pula sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh wakil Temerloh tadi bahawa Pengerusi Jawatan-Kuasa Kira² Wang Negara itu tidak ada mempunyaï kuasa yang dapat menyebelah di-sebelah pehak mana², oleh sebab yang demikian saya fikir di-sini sangatlah terang kalau sakira-nya kita memberi pekerjaan Pengerusi Jawatan-Kuasa Kira² Wang Negara ini kepada sa-orang parti pembangkang, maka tepat-lah bahawa parti pembangkang yang mana menjadi sa-bagai Pengerusinya tak akan dapat hendak membuat segala²-nya mengikut kehendak-nya sendiri, kerana Ahli² Jawatan-Kuasa Kira² Wang Negara itu ada-lah memegang puncha kunchi untuk menjalankan tugas-nya yang tertentu. Dan juga dahulu-nya pehak Kerajaan telah mengadakan Pengerusi-nya dari pehak Kerajaan, maka sekarang ini saya fikir elok-lah pula bagi kita sekalian mengadakan atau mengambil Pengerusi itu daripada pehak pembangkang.

Mengikut sejarah Jawatan-Kuasa Kira² Kewangan Parliament di-England di-sana juga pengerusi-nya telah di-adakan atau di-lantek dari parti pembangkang, oleh yang demikian saya sokong dengan sekuat²-nya di atas chadangan pindaan yang telah di-majukan oleh wakil Tanjong. Dari itu, kita gantikan tempat Yang Berhormat Enche' Ahmad bin Mohd. Shah kepada Yang Berhormat Enche' Zulkifle bin Muhammad. Ini bukan-lah berma'ana bahawa kita tidak ada mempunyaï keperchayaan penoh terhadap Yang Berhormat Enche' Ahmad bin Mohd. Shah itu, tetapi kita tukarkan sekali lagi supaya dapat kita menunjukkan kepada ra'ayat jelata di atas kebersehan dan kejujoran Kerajaan.

Che' Khadijah binti Mohamed Sidik (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong kuat di atas pindaan yang di-datangkan oleh wakil Tanjong untuk mengemukakan nama Yang Berhormat Saudara Zulkifle bin Muhammad sa-bagai menggantikan tempat Yang Berhormat Saudara Ahmad bin Mohd. Shah. Alasan-nya sa-bagaimana kata Yang Berhormat rakan² saya dari pehak pembangkang bahawa kami dari pehak pembangkang telah pun memberikan keperchayaan penoh dengan ikhlas-nya mahu bekerjasama dengan pehak Kerajaan, maka di-sini sa-bagai hujah kami bahawa pehak saudara² Yang Berhormat dari pehak Kerajaan dapat-lah pula menerima pemberian kami dengan sechara ikhlas ia-itu bekerjasama antara pehak pembangkang dengan pehak Kerajaan. Saperti mana yang telah di-terangkan oleh wakil Malacca Utara, saya rasa dukachita yang mana kata-nya pehak Kerajaan telah pun memberi sa-orang yang ber-kelayakkan, berkebolehan sa-bagaimana yang di-chadangkan oleh yang mulia itu, tetapi di-sini kami juga mahu mengemukakan bahawa bukan kerana tidak memperchayaï pehak Kerajaan, malah kami mahu bekerjasama supaya dari pehak pembangkang benar² ada juga yang berkelayakkan dan berkebolehan di-dalam membuat kerja² yang sa-rupa itu. Oleh sebab itu, saya meminta dengan sepenoh harapan supaya pehak Kerajaan akan dapat menerima chadangan daripada pehak pembangkang semoga dapat bekerjasama untuk keselamatan ra'ayat jelata dalam negeri ini.

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Mr. Speaker, Sir, the Government, I am afraid, is unable to accept this amendment. The Government in proposing the name of the Honourable Enche' Ahmad bin Mohamed Shah, S.M.J., as Chairman of the Public Accounts Committee, took into consideration the fact that my Honourable friend has had long experience of this sort of work, for in fact he has been for many years the Senior Auditor in Johore. It will, therefore, be seen that our nominee is particularly suitable for this appointment and it

will also be seen that the choice has been very carefully made.

It has been suggested that we should appoint a Member of the Opposition as the Chairman of this Committee, because it has been done in other countries. I am also aware of this practice, but even in the United Kingdom it is not invariably the rule to appoint a Member of the Opposition as Chairman of this Committee. In fact, there have been occasions when a Government supporter has been appointed as Chairman. In other words, there is no hard and fast rule and the appointment is determined on the merits of each case.

The Honourable Mover in the course of his speech proposing this amendment has given as one of his reasons that his experience on this Committee has led him to the conclusion that it would be desirable to have an Opposition Member as Chairman. I, too, have read the minutes of the meeting to which he referred and the impression I gained—however unjustifiable that impression may be—is that the Opposition feels that this particular Committee is an ideal weapon for causing mischief for the sole sake of causing mischief, and if that is the idea of the Opposition, the Government cannot obviously agree to this particular suggestion.

Another Honourable Member in supporting him has suggested that another reason for this change was the fact that Government had seen fit to bring Command Paper No. 14 of 1960 to this House before the Report itself had gone to the Public Accounts Committee. I suggest, Sir, that Government took this perhaps rather unusual step as a result of the machinations of the Opposition itself by introducing this very controversial subject in the course of another debate; hence the Government was compelled to adopt this particular course. I, therefore, urge Honourable Members to reject this amendment in view of the reasons given by me.

Enche' K. Karam Singh (Damansara): Mr. Speaker, Sir, I speak very strongly in favour of this amendment moved by my Honourable friend for Tanjong. Sir, there is all the more

justification for this amendment and the appointment of the Honourable Enche' Zulkiflee as the Chairman of the Public Accounts Committee, because we know of what has happened in this country before—two times already there have been grave suspicions aroused in the minds of the public about the spending of public money. Last year there was a suspicion aroused in respect of \$11 million and at the last session there was a great controversy about the spending of \$110 million. Such being the case, Mr. Speaker, Sir, we feel that the necessity for this amendment is illustrated by two past incidents and to save the Government from the embarrassment of going through any such incidents in future we urge the Government, in its own interest and in the interests of public confidence in the accounting of the finance of this country to accept this amendment.

Enche' V. David: Mr. Speaker, Sir, the Government Bench is fearing to entrust responsibility to a Chairman from the Opposition—which amounts that the Government Bench has something to hide from the public, and any ordinary man with commonsense will come to the conclusion that the Government is really fearing to face the truth.

Mr. Speaker: You must not impute any motives—must be very careful under the Standing Orders.

Enche' V. David: No, Sir, I am not. The Government is afraid, Mr. Speaker, to entrust this responsibility in the hands of an Opposition Member, fearing that any irregularities, if observed, may be exposed to the eyes of the public. Mr. Speaker, Sir, the Government cannot justify its action for the very reason that there were irregularities which had been observed in the past on two occasions: on one occasion, \$24 million, and on the other \$110 million.

Mr. Speaker: You are not allowed to anticipate the debate on that, because that motion is coming before the House.

Enche' V. David: Thank you, Sir, but I am only making a reference, and it clearly states that the Auditor-General's Report was in fact true, and

the reply by the Government has not satisfied the public.

Mr. Speaker, Sir, if the Government is sincere in its attempt to maintain a proper account of the public funds, it must not hesitate in appointing an Opposition Member to this Committee as Chairman. If the Government has any motive behind—I am not saying “ulterior motives”—may be motives of any nature to the detriment of the interests of the public, then it will hold to its views with regard to the appointment of a Chairman. But, Mr. Speaker, Sir, if it strongly opposes the motion to appoint a Member of the Opposition as Chairman, then we also oppose their motion, and we call upon this House to view this motion very carefully and not to allow themselves to be influenced by the Ministers who have introduced this motion. Thank you, Sir.

Tuan Syed Esa bin Alwee (Batu Pahat Dalam): Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai sa-orang yang telah menjadi Pengerusi dalam Jawatan-Kuasa itu, suka-lah saya menerangkan sedikit dalam perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, sedia ma’alum dan juga ahli² Dewan ini ia-itu Pengerusi itu tidak ada berkuasa dan mempengarohi ahli² itu melainkan sa-sudah di-bahathkan oleh tiap² ahli. Dari sebab itu Pengerusi itu tidak boleh di-pengarohi oleh Menteri² atau sa-siapa juga mengikut keputusan yang ada di-dalam meshuarat itu. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah di-dalam Jawatan-Kuasa itu bukan sahaja daripada ahli² Perikatan yang ada di-sini tetapi mengandungi Socialist Front dan parti PAS juga, dan daripada 6 orang itu ada-lah di-dalam-nya parti² pembangkang. Oleh sebab itu pada faham saya tidak-lah ada salah-nya kalau sa-kiranya Pengerusi itu daripada pehak Kerajaan.

Enche’ Ibrahim bin Abdul Rahman (Seberang Tengah): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa hairan oleh sebab pehak pembangkang beberapa kali mendesak dan meminta supaya Pengerasi itu di-pilih dari salah sa-orang daripada pehak pembangkang. Tetapi sa-benar-nya beberapa orang daripada pehak Kerajaan telah berdiri menegaskan ia-itu Pengerusi itu ia tidak ada

apa² kuasa, melainkan hanya untuk memanggil meshuarat dan sa-bagaimana. Saya sa-bagai sa-orang Ahli Jawatan-Kuasa Public Accounts Committee suka memberi tahu pehak pembangkang, ia-itu kami yang berdiri bagi Pehak Kerajaan, tidak ada pernah sa-orang Menteri pun yang telah mempengarohi kami. Kami mengerti dan faham betul² apa-kah tanggong-jawab kami sa-bagai Ahli² Jawatan-Kuasa Public Accounts Committee. Jadi jika-lau ada apa² perkara yang pehak Kerajaan chuba hendak menyembunyikan sa-bagaimana yang di-tudoh oleh Yang Berhormat dari Damansara tadi, sa-kira-nya ada, berma’ana-lah pehak pembangkang juga yang dudok di-dalam-nya bersama² menyembunyikan perkara itu (*Tepok*) sa-kian sahaja.

Enche’ Cheah Theam Swee (Bukit Bintang): Mr. Speaker, the Opposition amendment to the motion does not appear at all to be in line with what we call, perhaps, democracy and, perhaps, justice, if we want to put it that way. The whole Opposition case is built up on suspicion: they suspect this, they suspect that, and one cannot help but to think that it is a case of “The less we know, the more we suspect”. The Government do not intend to give the responsibility to the Opposition. If at all there is anything that we have to be responsible for, we will be responsible, and we are not afraid that suspicion, which has perhaps been aroused by irresponsible allegations, will interfere with our principles and our beliefs. Mr. Speaker, I sincerely believe that in appointing a Member from the Government Bench does not in any way bring about the practices which have so irresponsibly been alleged.

Amendment put, and negated.

Enche’ D. R. Seenivasagam: Mr. Speaker, I rise to oppose the original motion, and in doing so, I wish to say that by the Government proposing a Member of their own Bench I impute to the Government the motive that they are afraid; I impute to the Government the motive that they have something to hide, and that is why they are appointing one of their own Members to sit on the Committee known as the Public

Accounts Committee; I impute to the Government the motive that they are trying to hide from the people of this country mismanagement, if there is any in the departments of the Government.

Enche' Tan Siew Sin: Mr. Speaker, Sir, I would suggest to the Honourable Member who has just spoken that it was totally unnecessary for him to get so hot under the collar for the simple reason that it will always be open to him to substantiate his beliefs, his suspicions, when the Report of the Public Accounts Committee is laid before this House. If in that event he feels that the Government has something to hide, it will always be open to him to propose a motion of no confidence in the Government as a whole or on individual Ministers, and I suggest that in the meantime he keeps cool and waits for the Report.

Enche' D. R. Seenivasagam: Mr. Speaker, on a point of clarification, I suggest that the Minister of Finance try to be a bit more honest in appointing a proper Chairman of the Public Accounts Committee.

Original question put, and agreed to.
Resolved,

That the Honourable Enche' Ahmad bin Mohamed Shah, S.M.J., be appointed Chairman of the Public Accounts Committee.

ADDRESS OF THANKS TO THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S SPEECH

Dr. Lim Swee Aun (Larut Selatan) rises.

Mr. Speaker: Before you proceed with this motion, how long will you take to address the House?

Dr. Lim Swee Aun: About 15 minutes, Sir. (*Mr. Speaker indicates assent.*)

Mr. Speaker, Sir, I beg to move;

That an humble Address be presented to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong as follows—

"Your Majesty,

We, the Speaker and Members of the Dewan Ra'ayat of the Federation of Malaya in Parliament assembled, beg leave to offer Your Majesty our humble thanks for the Gracious Speech with which the Second Session of the Parliament has been opened."

Sir, we are in the midst of making history. Yesterday His Majesty the second Yang di-Pertuan Agong of the Federation of Malaya has performed his first public duty since he assumed his high office. To-day this House in its second session is for the first time moving an humble Address of Thanks for His Majesty's Speech. It would be the wish of all present here to-day to offer our most grateful thanks to His Majesty for his sincerity, his humility and his honesty of purpose when he said in the opening part of his Speech "I pray that during my term of office this Parliament of which you and I form part will guide our country along paths of peace and prosperity." His Majesty has been deliberate in his choice of words—"this Parliament of which you and I form part". We are indeed grateful to His Majesty for permitting us to have a share in the guidance of the destiny of our country. Twelve long years have plagued us with the Emergency, and what tremendous joy there was for all of us and for all the people in this country when His Majesty announced that His Government intends to declare the Emergency officially at an end on 31st July and at the same time to repeal the Emergency Regulations. This horrible cancer which has sucked the life-blood of our nation will at last be removed. The operation has been costly both in lives and in money, but it was successful. We shall now be able in peace to plan for prosperity. We owe a debt of gratitude to each and every member of the Security Forces—both Malayan and Commonwealth, particularly to the British National Serviceman who fought so courageously and even gave his life for this country which was not his own. His Majesty has fittingly paid tribute to the ordinary man and woman of the country, particularly those in the kampongs and in the new villages, who through no fault of their own had to endure tremendous strain, fear, privations and hardship due to the disruption of their normal way of life, but who loyally and bravely adapted themselves to these changing circumstances and made the best of things and even fought back. This sense of fear, this

sense of insecurity will soon be forgotten. Indeed, in most parts of Malaya—in the White areas of Malaya—it has already been forgotten. Human memory is short, but let us not forget the part played by one man who through his political foresight contributed so much to the hurrying of the end of this Emergency. Honourable Members will remember the Constitutional Talks before Merdeka when the British Government held the view that Malaya could only be given her independence after the end of the Emergency. But there was one man who stood up and insisted that the key to the solution of the Emergency was independence. Give us independence first and we would end the Emergency, he said. How prophetic were those words! Today, less than three years after our independence, the tide of the Emergency is rapidly ebbing and it will end on the 31st of July. We must not forget that man. We owe him a great debt of gratitude—and he is none other than our Prime Minister (*Applause*).

I am indeed very conscious of the great honour paid to all the members of my constituency of Larut Selatan and to myself when I was asked to move this humble Address of Thanks. Taiping, the main town of my constituency, is perhaps one of the oldest towns in the Federation

AN HONOURABLE MEMBER: And the wettest!

Dr. Lim Swee Aun: Yes, and the wettest! It has seen glorious days. It has even been the capital of the State of Perak and we from Perak always wish to think of our State as the premier State of the Federation. Taiping, as we all know, means Great Peace in the Chinese Language. Since the shifting of the capital it has been clouded, but to-day I see a silver lining in that cloud of obscurity. Hard-boiled and worldly as I am I cannot but feel that it was a good omen that the elected representative from Great Peace was asked to move this humble Address of Thanks to His Majesty who has announced that the period of terror and turmoil will end on the 31st of July and

that a new era of peace and prosperity will begin.

But peace and prosperity are empty words if the population is not healthy. A healthy body builds a healthy mind, and we are thankful that in His Majesty's Gracious Speech assurance was given that his Government will continue its efforts to safeguard the health and welfare of the people throughout the country—and that includes Kelantan and Trengganu—with emphasis on rural health. In the short period since the present Honourable Minister of Health assumed office he has earned the admiration and the gratitude of the people for his untiring efforts to bring medical aid to the helpless sick. It is my hope that in his enthusiasm he will not overexhaust himself to serve and be in a position to be served. (*Laughter*).

A healthy population must have food in its stomach—we must have food to fill our stomachs—and we are also thankful that in the Gracious Speech stress has been made on the application of new techniques and methods to improve the yield and quality of padi, livestock and other sources of food so that Malaya can be self-sufficient. I congratulate the Honourable the Minister of Agriculture for creating a new breed of hens that have lost their laziness and will lay an egg a day. (*Laughter*).

Employment must be found for every healthy individual in this country, but unlike South Africa, where the hated passes are in force to restrict the rural population from overflowing into the towns in search of employment, we in Malaya encourage our people to go back to the land. The key-note of the Government policy is the development of rural areas, where many large land development schemes have been, and will be, opened. The landless and those who own uneconomic areas will be given land of a size sufficient to enable them to earn a living, the standard of which is compatible with the dignity of an independent nation. To reduce the country's dependence on rubber and tin, the Government's policy of industrial development and diversification is bearing fruit. It has created new outlets for

employment and with the further expansion of the pioneer industries there should be sufficient employment for all those who are willing to work.

One of the new methods of increasing the country's trade is the one that is popularly now known as tourism. Increasing attention is now being paid to its development, and I can recommend to the Honourable Minister of Commerce and Industry that the Taiping Lake Gardens and Maxwell Hill will make lovely tourist attractions if sufficient publicity is given to them. The lakes in Taiping contain clear, sparkling water—never murky or muddy—and the scenery around them add charm and dignity to the peaceful town of Great Peace. The road leading up to Maxwell Hill is in itself an engineering feat and the numerous hair-pin and "S" bends are enough to thrill any tourist. And from the top of Maxwell Hill—perhaps the first hill resort in this country—we have a magnificent view of the Straits of Malacca; you can sometimes even see our neighbouring countries and on a starry night we can see the twinkling lights of Penang. Besides being a trade, tourism should aim at promoting better understanding between nations. We should invite peoples of all lands to come and see for themselves our beauty spots, to study our way of life and to admire our sense of national unity which has been built out of a plural racial society and, what is more important, to be convinced that our desire is to live in peace, goodwill and harmony with the rest of the world.

Mr. Speaker, Sir, I beg to move.
(Applause).

Enche' Mohamed Sulong bin Mohd.
Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun kerana menyokong titah uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-mana telah di-titahkan kapada majlis Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat pada hari semalam. Bagi menjelaskan bahawa . .

Mr. Speaker (to Enche' Mohamed Sulong): Masa-nya sudah sampai, jikalau Tuan hanya-lah menyokong sahaja, maka saya suka menerangkan bahawa hak tuan ada lagi di-belakang

di-mana akan di-kemukakan untok dibahath.

Enche' Mohamed Sulong bin Mohd.
Ali: Saya bangun ini ia-lah bagi menyokong dahulu.

Mr. Speaker: Itu ada-lah hak tuan.

Enche' Mohamed Sulong bin Mohd.
Ali: Kemudian! Terima kasih.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 2.30 p.m.

(Mr. Speaker in the Chair)

ADDRESS OF THANKS TO THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S SPEECH

Debate resumed.

Question again proposed.

Enche' Mohamed Sulong bin Mohd.
Ali: Tuan Yang di-Pertua, pada menyokong chadangan uchapan titah Duli Yang Maha Mulia tadi, saya suka menyebutkan di-sini sedikit sebab²-nya yang menyebabkan saya kuat bagi menyokong-nya di-mana sa-lepas kita memberi uchapan ta'ziah kepada Al-marhum Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang pertama dan bekas Permaisuri Agong, maka kita telah membuka sejarah baharu bagi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang baharu. Maka saya sa-bagai sa-orang wakil yang datang dari-pada negeri yang tertinggal dan masih hutan lagi menguchapkan setinggi² tahniah di atas dasar Duli Yang Maha Mulia Tuanku itu bagi memberi tanah² kapada semua peringkat, terutama sekali kapada orang² yang tiada mem-punyaï tanah. Oleh itu, semua ra'ayat Tanah Melayu, terutama sekali kapada ra'ayat² yang dudok di-pantai timur akan menjunjong tinggi di atas dasar luar bandar yang telah di-tetapkan oleh Baginda itu.

Duli Yang Maha Mulia itu telah bertitah yang Kerajaan-nya akan menyokong dengan sekutu²-nya bagi penanaman semula getah di-mana tentu-lah dasar ini akan menjadi bertambah ma'amur di-negara kita, kerana sa-hingga hari ini yang sa-benar-nya Tanah Melayu ada-lah bergantong

kema'amuran-nya kapada hasil-mahshol yang keluar daripada getah dan sa-bagaimana chadangan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dahulu pun ia-itu sekurang²-nya Tanah Melayu mesti bertanam getah satu juta ekar bagi menchukupi pengeluaran getah asli. Lagi satu perubahan yang patut diingat bahawa dalam masa pemerintahan Duli Yang Maha Mulia itu ia-lah yang pertama sekali hendak mengubah atau menterjemah undang² negeri ini ka-dalam bahasa Melayu. Maka di-sini ada-lah satu peluang kapada orang² Melayu yang hendak mengetahui bagaimana perjalanan Kerajaan dan undang² negeri ini dengan senang-nya. Di-samping itu pelajar² Melayu dengan senang-nya mempelajari undang² negeri ini dengan melalui bahasa-nya sendiri.

Satu perubahan lagi yang patut diingatkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah bertitah agar memberi peluang kapada orang² Melayu bagi menchari tanah² bijeh melombong dalam kawasan² Melayu di-mana memberi peluang kapada orang² Melayu sendiri yang ada mempunya hak berniaga di-lombong-nya sendiri yang tak boleh di-jual-nya lagi. Nampak-nya, titah Duli Yang Maha Mulia itu memberi tanggong-jawab yang sa-benar-nya kapada pemimpin Kerajaan Duli Yang Maha Mulia bagi masa hadapan untuk memberi peluang serta menjamin kehidupan bagi semua peringkat ra'ayat negeri ini. Di-sini saya suka-lah berseru kapada ra'ayat negeri ini, terutama-nya kapada kaum² buruh yang selalu bersusah payah, kerana tidak mendapat pekerjaan, sambut-lah bersama² Ranchangan Luar Bandar atau pun Ranchangan Memajukan Tanah supaya di-satu hari kelak mereka tidak lagi bergantong kapada kerja² makan gaji yang selalu di-fikiran oleh mereka itu untuk selama²-nya.

Lain tiada apa² yang hendak diuchapkan melainkan saya menyokong chadangan uchapan titah Duli Yang Maha Mulia itu.

Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor:
Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan titah kebawah Duli Yang Maha

Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita sambut dengan penoh sukachita dan terima kaseh kerana dengan uchapan-nya itu ternyata-lah bagaimana hasrat dan chinta kebawah Duli terhadap ra'ayat-nya di-dalam negeri ini. Maka saya adalah menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kita telah sama² mendengar titah Duli Yang Maha Mulia sa-bagaimana yang telah di-huraikan tadi oleh yang membawa usul ini dan juga jelas kapada kita bagaimana elok-nya chita² Duli Yang Maha Mulia hendak memberi tanah, membangunkan kemajuan di-luar bandar, bertanam sa-mula, pembentukan kampung beramai², membuka jalan raya, perusahaan kampung, memajukan kemajuan ekonomi, bertanam dan menchukupkan makanan dalam negeri dan lain² lagi. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa titah Duli Yang Maha Mulia itu ada-lah suatu perkara dan Kerajaan-nya satu perkara yang berhubung dengan titah Yang Maha Mulia itu. Jadi kalau yang membawa chadangan usul ini tadi telah membayangkan kapada kita keelokan² dan keindahan² tempat dan sa-bagainya maka tentu-lah kita bagi menyempurnakan dan mengisi titah Duli Yang Maha Mulia itu mesti-lah kita sedar benar² apa akas yang telah di-kemukakan itu ia-itu kalau elok lawan-nya burok, kaya lawan-nya miskin, kemewahan lawan-nya penderitaan. Jadi kalau kita memandang kapada indahnya sahaja maka neschaya kita akan lalai, leka dan lupa dengan apa akas di-sebalek indah, elok dan ma'amor tadi. Jadi di-antara perkara yang paling besar sa-kali di-dalam titah Duli Yang Maha Mulia itu ia-itu-lah berkenaan dengan menamatkan Dzarurat pada 31 July. Ini ada-lah titah yang sangat² memberikan harapan besar bagi memulakan kema'amoran dan keamanan negeri ini. Bagaimana saya katakan tadi bahawa titah Duli Yang Maha Mulia itu kita sambut dengan banyak terima kaseh dan itu-lah akan jadi panduan kita agak-nya, tetapi bahawa yang menjunjong dan yang akan menjalankan tugas titah Duli Yang Maha Mulia ini-lah saya harap jangan-lah

di-pandang dari segi yang indah² sa-haja sa-bagaimana yang di-majukan tadi tetapi pandang-lah kapada segi² penderitaan daripada segi² di-sebalek-nya yang saya rasa tidak perlu-lah saya uchapkan dengan panjang lebar kerana perkara ini sudah selalu pun di-bunyikan dari pehak pembangkang ini.

Kalau kita pandang mithal-nya bagaimana penderitaan ra'ayat di-kawasan saya di-Besut, kalau hendak pergi ka-sana dalam titah itu akan membuka jalan dan sa-bagai-nya. Dahulu sa-belum pilehan raya di-Dungun—kita tahu ada kejadian yang malang sa-kali, ada pun di-tulis di-sana "Akan di-buat jembatan" tetapi sa-sudah pilehan raya benda itu ter-chabut entah kemana pergi-nya. Jadi bagaimana-kah nanti Duli Yang Maha Mulia ini akan pergi ka-sana sahaja terpaksa menempoh ferry² dan manakala sampai di-sana banyak-lah perkara² yang sangat menyedehkan, jangan-lah kita pandang jauh kemajuan² lain² negeri kalau kita bandingkan dengan pantai barat ini sahaja pun sangat²-lah jauh ketinggalan dalam segala apa lapangan yang telah disebutkan oleh kebawah Duli tadi baik dalam chara tanah maseh berpuloh ribu lagi permintaan tanah di-sana dan juga kemajuan luar bandar, bertanam sa-mula dan lain² itu maseh-lah dalam keadaan yang sangat menyedehkan lagi. Tetapi dengan titah Duli Yang Maha Mulia itu-lah menjadi harapan kapada ra'ayat² dan bagi saya tadi menerangkan jangan-lah di-pandang daripada segi indah-nya, pandang-lah daripada segala segi maka dengan jalan itu-lah titah Duli Yang Maha Mulia itu dapat kita bawa menuju kapada kesempurnaan dan ke-baikan negeri dan ra'ayat negeri ini.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di-Pertua, Tuan, saya bangun menyokong chadangan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat wakil Larut Selatan. Satu perkara yang sangat menarek perhatian kita pada hari ini ia-lah titah Duli Yang Maha Mulia berkenaan dengan tamat-nya Dzarurat pada 31 July, tahun 1960. Kita menguchapkan shukor kahadzrat Ilahi kerana dengan

ada-nya bijak-sana penganjor² kita yang di-ketua oleh Tengku Perdana Menteri kita dan dengan ada-nya ke-merdekaan maka Dzarurat bertambah baik dan bagitu juga, Tuan Yang di-Pertua, dengan bijak-sana Tun Abdul Razak menjalankan chara² melawan pengganas dalam negeri ini. Kalau boleh-lah saya pileh siapa-kah yang menamatkan Dzarurat saya rasa ahli² Yang Berhormat sakalian tentu sa-kali bersetuju dengan saya memberi terima kaseh kapada penganjor² kita itu. Kalau ada parti lain hendak memberi terima kaseh kapada pengganas maka kemudian mereka boleh ber-uchap demikian. Di-samping itu juga jangan-lah hendak-nya kita lupa ba-hawa beribu² perempuan telah tinggal menjadi janda kerana suami mereka yang memikul senjata telah kehilangan nyawa membela negara dan tanah ayer kita; meninggalkan anak yatim dan sa-bagai-nya. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya menarek perhatian supaya Kerajaan memberi perhatian yang terutama kapada anak² yatim ini dengan memberi bantuan umpama-nya wang dan sa-bagai-nya supaya kanak² itu dapat meneruskan persekolahan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua dan ahli² majlis Yang Berhormat, berpaling saya kapada titah Duli Yang Maha Mulia berkenaan dengan Ranchangan Luar Bandar. Di-muka 2 saya dapati Duli Yang Maha Mulia telah menegaskan bermacham² perkara telah di-jalankan dan di-laksanakan oleh Kerajaan Perikatan, dan di-sini juga, Tuan Yang di-Pertua, tidak siapa pun boleh menafikan tetapi saya suka menyatakan perkara yang di-jalankan dalam Majlis ini ia-lah satu fasal tetapi untuk menjayakan-nya di-luar Majlis ini satu fasal lain pula. Tuan Yang di-Pertua, saya dapati kebanyakan daripada perkara² yang di-keluarkan oleh Parlimen kita apa-bila sampai kapada pejabat² yang berkenaan maka di-sana-lah tertahan-nya menjadi-lah "bottle neck", Tuan Yang di-Pertua. Ini-lah yang menyusahkan hati saya apa-kala memikirkan perkara yang sedemikian ini kerana ra'ayat sakalian ternanti² akan hasil² yang di-jalankan oleh penganjor². Tanggong-jawab penganjor²

telah di-jalankan tetapi apabila sampai ka-pejabat² maka di-situ terpendam. Tuan Yang di-Pertua, saya harap pegawai² kanan terutama kapada mereka² yang tidak langsung harap mendapat kenaikan pangkat yang besar sekarang telah dapat pangkat yang besar insafi-lah diri sadikit bekerja sama-lah dengan kita supaya ran-changan saperti Ranchangan Luar Bandar ini dapat di-laksanakan dengan terator dan baik.

Tuan Speaker dan Ahli² Yang Ber-hormat sakalian, saya sangat²lah dukachita melihat sa-tengah daripada sa-tengah² orang² kita yang mendapat pangkat tinggi itu, perkara yang mula² sa-kali di-jalankan-nya ia-lah pergi menghadziri parti. Perkara ini patut-lah Kerajaan memberi surat peredaran kapada pegawai² kanan yang berkaitan itu ia-itu perkara² parti itu patut-lah di-larang. Tuan Speaker, apabila kita pergi ka-pejabat, kita bertanya: apa sebab perkara² ini tidak di-jalankan dengan serta-merta, maka mereka ber-kata ia-itu kerana ta' chukup kaki-tangan, konon-nya; berapa-kah kaki-tangan yang chukup, saya pun ta' tahu, sa-patut-nya, Tuan Speaker, jalank-an-lah pekerjaan itu sa-chepat²-nya mem-bantu ra'ayat yang sangat berkehendak bantuan. Saya dapat perkara² yang tidak di-ingini dalam pejabat ia-lah saperti kaki-tangan itu membacha surat akhbar, ini membuang masa. Kalau di-tanya pendapat saya, Tuan Speaker, saya boleh katakan dengan tegas-nya di-sini, bachaan surat² akhbar dalam pejabat itu patut-lah di-larang sama sa-kali. Sa-perkara lagi, Tuan Speaker, yang tidak di-ingini dalam pejabat² kaki-tangan itu bersempang, kata orang Perak, ia-itu berchakap dengan tidak tentu-hala, ini semua-nya membuang masa, saya rasa dengan perjalanan sa-macham ini-lah yang saya tidak berapa setuju sa-tengah daripada sa-tengah langkah² orang kita. Saya benchi pegawai² Kerajaan orang Puteh, kerana suka menjajah, tetapi aturan (discipline) yang di-jalan-kan oleh pegawai² itu sangat baik, umpama-nya, mereka itu datang ka-pejabat dengan membawa botol kopi, kerana hendak minum kopi, tetapi

orang kita sa-tengah daripada sa-tengah-nya membuang terlampau ba-nyak masa di-canteen. Tuan Speaker, ini ada-lah satu harta yang kita ta'suka yang di-tinggalkan oleh penjajah Jepun. Saya harap canteen² di-setengah² pejabat itu di-tutup sama sa-kali, bukan canteen di-Parlimen, canteen di-Parlimen ini boleh-lah di-buka. (*Ketawa*).

Mr. Speaker: Order!

Enche' Tajudin bin Ali: Sebab saya katakan canteen di-Parlimen ini boleh di-buka kerana di-Parlimen ini banyak Ahli²-nya musafir (*Ketawa*) tetapi di-pejabat² itu ta' ada yang musafir, masa bekerja dan pulang tetap, jadi canteen ta' berguna langsung. Di-canteen ini penoh pegawai² kanan, terutama-nya masa lawan kuda, ini ta' baik, saya rasa sudah sampai-lah masa-nya di-tutup. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penoh kehendak Kerajaan berkenaan dengan perkara membantu Luar Bandar, perkara ini sangat penting dan semua kerja² ini mesti kita pikul kerana kita dapat dalam negeri ini, Tuan Speaker, satu kedudukan yang tidak sa-embang, orang² yang tinggal di-kampung² itu, tinggal dalam kemenderitaan, orang² di-dalam pekan mereka itu bernasib baik dan dengan kebijaksanaan Kerajaan mengadakan Kementerian Luar Bandar ini, saya harap-lah perkara ini di-lancharkan saperti Tun Abdul Razak melanchar-kan gerakan kerana menamatkan dha-rurut. Saya rasa perkara ini tentu-lah berjaya, kalau kita dapat kerja-sama yang penoh daripada kaki-tangan di-pejabat² dalam tiap² negeri ini. Di-samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menambah satu perkara sahaja ia-itu berkenaan dengan Ran-changan Luar Bandar ia-lah iktisad orang² Melayu di-kampong. Disini Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong telah bertitah berkenaan perniagaan di-kampung itu ada-lah terhad sahaja, ma'ana saya, Tuan Speaker, dalam kampung itu keluaran wang dan pu-singan-nya terlampau sadikit dan di-dalam bandar itu-lah pusat perniagaan. Di-samping memajukan kawasan Luar Bandar ia-itu membantu, umpama-nya. membessarkan tali ayer, mengadakan

jalan raya, saya harap-lah iktisad orang Melayu jangan di-galakkan dalam kampong sahaja bahkan di-bawa sadikit demi sadikit ka-bandar².

Tuan Speaker, berkenaan dengan beras pula, saya di-sini mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi² tahniah kapada Menteri Pertanian ia itu semenjak tahun 1956, tali ayer telah pun bertambah sa-luas 250,000 ekar, ini satu kejayaan yang besar bagi satu negara yang baharu mencapai taraf kemerdekaan. Dalam negeri Perak, kami di-sana sangat-lah ketinggalan dalam ranchangan mengadakan tali ayer yang berbesaran², dalam kawasan Trans-Perak maseh lagi berjalan saperti sipot. Saya telah di-beri tahu daripada pehak² yang berkenaan mengatakan di-sebabkan kekurangan teknikal dan wang, ranchangan ini tidak dapat di-jalankan sa-chebat yang di-kehendaki. Tuan Yang di-Pertua, Yang Teramat Mulia Tengku kita apabila ia hendak melancharkan Pusat Letrik di-Cameron Highland kerana memikirkan perekonomian negeri ini dapat di-jalankan dengan chepat. Ini saya harap sangat-lah baik bagi pendudok² di-Perak khasnya melancharkan di-kawasan Trans-Perak dengan sa-daya upaya-nya dan menempatkan orang² yang tidak bekerja di-kawasan itu. Tuan Speaker, saya tertarek hati kerana Kerajaan meng-adakan pelabuhan yang berbesaran² yang akan di-adakan di-Port Swettenham, dalam hal ini saya tidak-lah pula iri hati hendak mengadakan pelabuhan di-Port Swettenham, Melaka dan Pulau Pinang, tetapi jangan-lah hendak-nya negeri Perak ketinggalan, kerana di-sana ada satu tempat yang baik saperti di-Lumut. Nampak-nya Kerajaan chuma memajukan negara ini, ka-semua tenaga dan wang-nya tertumpu kapada pusat ia-itu Kuala Lumpur dan di-sakeliling-nya, saya harap tempat yang lain itu pun di-majukan mengikut aturan dan memberi kerja kepada orang² yang menganggor. Tuan Speaker, negeri ini sangat harum nama-nya, tetapi orang² luar negeri itu memerhati dan mendengar sa-tengah daripada sa-tengah mereka itu memikirkan negeri ini maseh lagi tinggal dalam tangan penjajah, kerana pelabuhan yang besar itu nama-nya Port Swettenham—nama

orang Puteh. Kita semua ada mendengar uchapan Yang Teramat Mulia Tengku kita mengatakan loghat saperti “Kelueng, Keleng” jangan di-sebut lagi dan saya harap-lah memaju dan membaiki nama negara kita yang merdeka ini supaya nama Port Swettenham itu pun di-tukar dengan satu nama Malay-an dan Pulau Pinang itu, jangan-lah namakan Penang bahkan Pulau Pinang, sayasa rasa ini lebeh baik lagi.

Tuan Speaker, sa-perkara lagi ia-lah berkenaan dengan Sekolah Lanjutan Kampong, barangkali ranchangan ini tersilap di-jalankan berkaitan dengan sekolah² ini, kerana Trade School dan sekarang di-namakan Sekolah Lanjutan Kampong itu asal-nya daripada Trade School, murid² Trade School datang-nya daripada sekolah bawah dan mereka melanjutkan pelajaran teknikal mereka di-situ, tetapi malang-nya apabila murid² itu tamat sahaja pelajaran-nya di-Trade School itu, mereka itu tidak dapat pekerjaan atau pun menjalankan ilmu mereka masing², kerana, Dato' Yang di-Pertua, saya dapat perniagaan dan perusahaan dalam negara yang kecil ini pertandingan-nya sangat² kuat dan kalau-lah budak² itu tidak di-lateh, mereka itu tidak akan dapat menjalankan ilmu dan tenaga mereka itu. Umpama-nya, Dato' Yang di-Pertua, saya mempunyai satu perniagaan yang kecil tetapi saya perhatikan ada 2 orang budak yang berkelulusan Trade School yang mendapat sijil yang istimewa tetapi mereka itu ta' dapat pekerjaan-nya di-mana² juga. Mereka pandai membaiki enjen tetapi malang-nya apabila mereka lulus sahaja dari Sekolah, mereka itu ta' dapat membuat kerja-nya masing² kerana desakan daripada perniagaan yang ada sekarang ini. Oleh hal yang demikian, Dato' Yang di-Pertua, saya memberi pandangan di-sini supaya murid² itu di-galakkan dengan berkumpol² membuat pekerjaan yang di-punyaï oleh Kerajaan sendiri. Umpama-nya, yang pandai bertukang rumah, suroh-lah mereka itu membaiki rumah Kerajaan dan yang pandai membaiki jentera dan sa-bagai-nya, chuba-lah Kerajaan mengambil budak² itu bekerja dengan Kerajaan dalam 2, 3 tahun, kemudian mereka itu boleh-lah berjalan dengan sendiri

berusaha persaorangan kelak. Dato' Yang di-Pertua, kalau tidak buat demikian, pekerjaan dan pelajaran yang mereka telah perolehi itu akan sia² sahaja. Sakian-lah.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, walau pun kita dapat titah di-raja dalam Parliment kelmarin, ada beberapa kelemahan dan kekurangan mengikut pandangan saya sendiri, tetapi semenjak saya mendengar-nya pada petang kelmarin maka perasaan saya ada-lah berserta dengan pehak penchadangan bagi menyatakan uchapan terima kaseh dalam Dewan ini. Kelemahan dan kekurangan yang saya maksudkan itu bukan-lah sa-bagai kelemahan besar, tetapi besar-lah juga erti-nya kalau kita biarkan bagitu sahaja. Yang menarek perhatian saya ia-lah kapada Ranchangan Kemajuan Luar Bandar ia-itu mengikut pandangan saya bahawa yang di-maksudkan luar bandar ini ia-lah kawasan² kampong, dan kalau kita hendak mengatakan Kemajuan Kawasan Luar Bandar, maka tentu-lah asas² yang kita letakkan itu ia-lah kapada kemajuan dan pembangunan kawasan² kampong seluroh-nya, khusus-nya ia-lah kawasan² yang munedor.

Dalam Persekutuan Tanah Melayu, saya rasa pantai timur-lah yang paling mundur sekali. Yang saya maksudkan pantai timur itu bukan sahaja negeri² Kelantan dan Trengganu, tetapi termasok juga negeri Pahang. Satu daripada hal yang penting telah di-aku oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah-nya ia-lah berhubung dengan jalan² raya. Jalan² raya ada-lah satu alat yang paling mustahak sekali bagi menyampaikan usaha kemajuan luar bandar. Kita akan menggalakkan penanam padi dua kali setahun. Kita akan menggalakkan perusahaan² kecil di-kampong. Kita akan mengadakan ranchangan² untuk kemajuan ra'ayat supaya lebih baik lagi. Kita akan tetap mengadakan segala²-nya, akan tetapi semua-nya itu ada-lah bergantong kapada kelancharan ada-nya jalan² raya.

Dalam titah Seri Paduka Baginda, ada satu fasal yang saya tertarek hati

yang saya rasa patut saya bachakan dahulu. Uchapan titah Baginda dalam Parliment berbunyi demikian:

"Demikian juga ranchangan membina jalan raya dan membuat jambatan akan dipersesuaikan dengan ranchangan² kemajuan dengan menguatkan kerja mengadakan jalan² raya di-tempat² yang belum ada jalan dan memperelokan jalan² besar yang ada sekarang pada mana² tempat yang mustahak supaya memudahkan perjalanan membawa barang² yang di-keluarkan daripada kawasan² luar bandar atau untuk mensimbangkan dengan bertambah-nya kereta lalu lintas yang telah bertambah banyak di-sebabkan oleh kemajuan dan perkembangan perusahaan negara ini. Kerja akan di-mulakan untuk membina jalan Rompin-Endau kerana tujuan hendak membuka sa-buah kawasan yang di-jangkakan subor di-Pahang Timor, dan jalan raya sepanjang 26 batu dari Gunong Keriang di-Kedah ka-Sungai Baharu di-Perlis dengan tujuan supaya ada jalan melalui kawasan² sawah padi yang ramai penduduk-nya kerana jalan² yang ada sekarang ini"

Ma'af, Tuan Yang di-Pertua, setakat itu dahulu saya membacha-nya. Memandang kapada kandongan titah di-raja ini sa-saorang yang membacha dengan sepintas lalu dapat mengambil salah satu daripada dua kesimpulan. Yang pertama bahawa ranchangan Kerajaan dalam soal jalan raya hanya-lah dua tempat sahaja, pada hal boleh jadi Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ada banyak lagi ranchangan² untuk mengadakan jalan² raya baharu.

Yang kedua, orang akan mengatakan bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak ada ranchangan lagi dalam soal jalan raya melainkan dua tempat itu sahaja. Saya fikir tentu-lah tidak sedemikian keadaan-nya tentang ranchangan jalan raya, saya perchaya barangkali bukan dua jalan sahaja yang akan, atau yang sedang, atau yang telah di-bena oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Boleh jadi, ada beberapa jalan raya yang akan disempurnakan oleh Kerajaan² Negeri ini, dan itu-lah saya katakan kelemahan²-nya, kerana tidak di-sebutkan nama² jalan selain daripada jalan dalam Kedah dan Pahang. Maka dengan sebab itu, saya suka menarek perhatian Dewan ini kapada kedudukan jalan raya di-pantai timur pada masa sekarang ini. Satu daripada jalan raya yang saya agak terlalu penting sekali untuk kemajuan pantai timur ia-lah jalan raya yang akan menghubungkan di-antara negeri Kelantan dan negeri

Perak yang saya rasa tidak berapa puloh batu baki-nya. Jalan raya ini, saya rasa di-satu masa dahulu pernah terdengar di-telinga saya yang Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sedang menumpukan perhatian-nya, ia-itu apakah Yang Berhormat Menteri yang dahulunya menjadi Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, tetapi sekarang menjadi Menteri Pengangkutan di-mana pada masa itu ada menyebutkan tentang penting-nya perhubungan jalan raya itu mesti di-buat; akan tetapi pada hari yang akhir² ini ranchangan itu terhenti dan terdiam membisu sahaja, barang-kali pehak Kerajaan sedang mengumpulkan bahan²-nya untuk membina jalan² itu tidak-lah saya ketahui.

Penting-nya jalan raya antara Perak dengan Kelantan, tak payah-lah saya terangkan dengan panjang lebar, akan tetapi masa-nya, dapat-lah di-potong lebih daripada 10 kali ganda jika dibandingkan dengan perjalanan melalui pantai timur—Kuala Lumpur sampai ka-Kuala Kangsar. (*Ketawa*). Demikian juga kalau sesiapa ingin berjalan ka-Pulau Pinang sa-bagai pelabuhan terbesar di-pantai barat, maka perhubungan-nya dengan pantai timur dapat-lah di-rengkaskan lagi dengan siap-nya jalan itu nanti.

Sa-perkara lagi, bila kita berchakap masa'alah jalan raya, kita tidak patut melupakan jambatan, sebab jambatan ini ada-lah sa-bahagian daripada jalan raya, oleh kerana ada sungai dan ada jalan raya, dan kalau kita berjalan dari-pada bandar Kota Bharu datang ka-Kuala Lumpur yang mana jauh-nya 407 batu lebeh kurang, maka kita akan menempoh 9 buah ferry. Mulai dari Bukit Datu sampai-lah ka-Temerloh, Pahang, di-mana di-antara ferry ini ada ferry yang membuat sejarah dalam riwayat Semenanjong Tanah Melayu. Sa-bagaimana telah di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ia-itu ferry Dungun. Dengan sechara yang mengejut telah memeranjatkan sesiapa sahaja, apa-tah lagi kalau anak chuchu kita mendengar-nya pada masa yang akan datang kelak, bagaimana kesah manusia yang telah terkorban dan di-telan oleh sungai itu manakala berlaku-nya perlanggaran di-antara sa-buah bas dengan sa-buah van tetekala menaiki

ferry tersebut. Kadang² berlaku pula ayer bah di-mana arus ayer sungai itu tersangat kuat, oleh kerana itu tak dapat-lah ferry tersebut menyeberang di-sana sini dengan sempurna-nya. Jadi, nyata-lah bahawa perjalanan di-pantai timur itu terlalu pinchang sekali, kerana tidak ada jambatan yang kekal yang boleh menghubungkan di-antara jalan dengan jalan.

Sa-belom pilehan raya dahulu, saya pernah berjalan dari Kota Bharu ka-Kuala Lumpur di-mana saya dapat seluroh tempat yang ada ferry maka terchachak-lah papan² kenyataan yang menyebutkan bahawa sa-buah jambatan yang kekal akan di-dirikan atau di-bina pada akhir tahun 1959, akan tetapi malang-nya entah ada mambang atau jin, atau pelesit yang telah menchabut papan² kenyataan itu, dan sampai-lah sekarang entah di-mana kubor-nya.

Ra'yat akan memberi terima kaseh terutama kapada hamba² Allah yang memegang teraju Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sakira-nya dapat-lah di-segerakan usaha mengadakan jambatan itu di-antara perjalanan Kota Bharu sampai ka-Kuala Lumpur, tetapi yang saya tahu usaha² ini pada sa-tengah² tempat saperti Temerloh dan Kuantan, nampak-nya ada persiapan dan sedang di-mulai, tetapi di-sebelah Trengganu nampak-nya maseh belum ada kesanggopan, mungkin juga barang-kali dalam satu atau dua hari lagi akan ada kesanggopan pula. Mudah²an tidak berapa lama lagi, perhubungan di-antara pantai timur dengan pantai barat akan dapat berjalan dengan lebeh baik lagi, dan dengan demikian Yang Berhormat Menteri² kita harus akan kerap kali berulang alek dari pantai barat ka-pantai timur, kerana berkunjung dan menyiasat berhubong dengan kemajuan luar bandar. Saya fikir elok-lah sekarang menggunakan helicopter atau pun Lang Raja Wali dulu kerana mustahak chepat. Kalau menggunakan kenaikan darat, takut akan rugi masa berhubong dengan kerja² Menteri itu untuk pergi ka-pantai barat pula.

Saya ulang balek uchapan saya berhubong dengan jalan raya di-antara Perak sampai ka-Tanah Melayu, dari Perak terus sampai ka-Kota Bharu

sekarang melalui jalan Machang, di mana melalui sa-buah jambatan kereta api yang panjang sekali dalam Tanah Melayu ini. Di atas jambatan tersebut di-ator dengan papan² seperti jambatan kereta api di-Telok Anson tiga tahun dahulu, dan di-benarkan motor car lalu-lintas sa-waktu kereta api tak lalu. Pada jam 6 petang di-tutup dan jam 6 pagi di-buka. Jalan yang sa-benar dari Tanah Merah ka-Kota Bharu itu bukanlah melalui Machang, tetapi melalui Pasir Mas, chuma sekarang jalan Tanah Merah dan Pasir Mas tinggal dua batu lebuh sedikit yang belum lagi siap. Kemudian jalan ini mesti menyeberang satu sungai nama-nya sungai Kelantan di-tengah² bandar Pasir Mas. Kalau tak salah ingatan saya telah pun di-masukkan dalam project tahun lalu ia-itu dalam Development Estimates untuk menyiapkan jambatan yang tersebut dengan estimate-nya tak kurang dari dua juta ringgit. Saya suka menarek perhatian dalam perkara ini, mudah²an tidak payah ada alasan yang lain lagi. Mudah²an pekerjaan membuat jambatan itu akan berjalan dalam masa yang singkat. Mudah²an pehak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini dapat-lah menyegerakan ranchangan ini. Yang saya tahu lebuh kurang 7-8 bulan dahulu atau sa-tahun dahulu sudah disiasat oleh Pegawai Jurutera untuk mengetahuï dasar² sungai itu. Saya harap, mudah²an apakala selesai dapat-lah jambatan itu di-buat dengan sa-berapa cepat yang boleh.

Saya bimbang satu sahaja, kot² ada alasan² yang lain bagi melambatkan pekerjaan membuat jambatan itu. Telah ada kedengaran ia-itu khabar² angin di mana ada pehak² yang tertentu yang akan mencari satu alasan-nya bagi melambatkan kerja pembangunan jambatan di-Pasir Mas dengan alasan satu sahaja, ia-itu pasir di-tapak jambatan itu jauh dalam kebawah, dan dengan yang demikian estimate \$2 juta itu tidak menchukopi, oleh sebab itu harus-lah di-pakai wang sa-banyak \$8 juta. Ini ada-lah khabar² angin, mudah²an tidak betul.

Sa-perkara lagi berhubong dengan titah Baginda Yang di-Pertuan Agong ia-itu dalam lapangan perdagangan dan perusahaan di-mana nampak-nya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda

telah menitek-beratkan kapada kawasan luar bandar, selain daripada perusahaan bijih dan getah. Dengan ini saya per-chaya kalau dasar ini dapat di-jalankan dengan sempurna, insha' Allah tanah ayer kita ini akan memperoleh kemajuan-nya dengan secepat mungkin.

Tersebut juga dalam titah Seri Paduka Baginda berkenaan dengan Jabatan Penerangan dan Siaran Radio:

"Dalam usaha hendak menyatakan sakalian ra'ayat Negara ini maka Kerajaan Beta akan sunggoh² menggunakan Jabatan Penerangan dan Jabatan Siaran Radio, dan tiada lama lagi kelak perkhidmatan² ini harus akan di-bantu oleh perkhidmatan 'television' pula."

Shukor-lah kita kerana nyata-lah sekarang bahawa Jabatan Siaran Radio dan Jabatan Penerangan sa-benar² ada hasrat untok menyatakan ra'ayat negeri ini. Tetapi satu perkara yang harus barang kali ada juga dasar tetapi tidak di-sebutkan dalam titah ini ia-itu Jabatan Penerangan dan Jabatan Siaran Radio ini pada pandangan saya kedudukan-nya bukanlah sahaja sa-bagai satu badan yang berikhtiar untok menyatakan segala bangsa tetapi juga berikhtiar untok membina dan memimpin bangsa itu serta membina rohani, sebab walau bagaimana sa-kali pun, perkhidmatan radio itu tidak dapat di-pisahkan perkaitan-nya dengan usaha kita melawan Kominis.

Kita bershukor di atas titah Seri Paduka Baginda bahawa Dzarurat akan tamat pada 31 July ini, akan tetapi patut-lah kita mengetahuï bahawa yang kita tentang bukan sahaja Dzarurat tetapi ia-lah kominis dan faham-nya Kominis itu, bukan sahaja tindakan kekerasan daripada parti Kominis, bukan sahaja tindakan pembunuhan tetapi juga roh dan jiwa Kominis itu sendiri. Mengikut pandangan bangsa Melayu dan umat Islam bahawa Ideologi Kominis adalah sama sa-kali tidak sesuai dengan rasa dan jiwa rohani kita sendiri. Akan lebuh berguna-lah Jabatan Penerangan dan Siaran Radio itu kalau dapat mengadakan satu usaha yang betul² konkeret bagi memberi fahaman dan membina jiwa ra'ayat bangsa kita di-dalam pendidekan ugama sa-hingga benar² mereka itu berasa bahawa Kominis ada-lah musoh kapada semua

bangsa dan ugama; menjadi musoh bukan kerana ganasnya, bukan kerana merompaknya dan membunuh sahaja tetapi ia-lah musoh kerana fahamannya berlawanan dengan jiwa keislaman dan jiwa keugamaan—tidak kira apa ugama pun.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, tertarek juga saya mendengar titah Seri Paduka Baginda apabila Seri Paduka Baginda mengaitkan soal rancangan kerja-sama di-antara negeri² di-Tenggara Asia ini sa-hingga Seri Paduka Baginda menyatakan bahawa :

"Kerajaan Beta berasa puas hati bahawa pendirian-nya dalam perkara tersebut" ia-itu perkara Tibet "telah mendapat sokongan dari kebanyakan penduduk² negara ini."

Kenyataan Kegumbiraan Seri Paduka Baginda terhadap perkara Tibet ini sangat-lah di-hargai akan tetapi malang-nya kerana kenyataan seperti ini juga tidak ada dalam perkara Algeria. Perkara Algeria ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bukan-lah perkara baharu—lebih lama daripada soal Tibet, tetapi bagi umat Tanah Melayu nampak-nya seperti suatu perkara baharu sahaja—baharu samingu dua ini, manakala wakil Algeria yang berpusat di-Jakarta datang ka-Tanah Melayu ini memberi penerangan terhadap perjuangan Algeria sekarang dan satu Jawatan-Kuasa telah di-bentok yang di-ketuaï oleh Yang Berhormat Enche' Abdul Ghafar Baba, Ketua Menteri di-Melaka itu baharu di-hidupkan kembali untuk menyatakan hasrat rasa simpati-nya umat Malaya terhadap ra'ayat Algeria menuntut kemerdekaan-nya. Tuan Yang di-Pertua, itu-lah saya katakan satu perasaan yang sudah terdetik di-hati saya kenapa soal Algeria tidak di-sebutkan bersama² dengan soal Tibet yang tersebut dengan jelas di-dalam titah Seri Paduka Baginda.

Enche' Chin See Yin: Mr. Speaker, Sir, I rise to support the motion. We would of course like to express our thanks for the Gracious Speech of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong which deals with the policy of the Government.

In the matter of exceptional legislation relating to national security and

defence, I hope consideration will be given by the Government on the question of personal liberty. Sir, we all appreciate that in modern life there exists complex relationships, but I think it is of the utmost importance to maintain the personal liberty which we all enjoy.

In His Gracious Speech, His Majesty stated "Protection will be given to the development of secondary industries". Sir, in this connection I think we all agree that this is a very grand suggestion, but we should not forget that there are industries in this country that need a lot of protection because so much money has been invested by the local people. I am sure every Member in this House has had an appeal from certain manufacturers who are dealing in the manufacture of tyres and tubes, and they complained that the giving of certain rights to some foreign investors—investors from foreign countries—upset their plans and the question of protection to local industries has been left far behind. In fact, in one paragraph in their appeal, it says :

"There is every reason to believe that endeavours of local people to produce motor tyres and tubes have also met with sabotage and intrigues from quarters which are not keen on seeing Malayan motor tyre and tube factories established in this country".

Mr. Speaker, Sir, I am making reference to this and I hope this matter will be given consideration in view of His Majesty having said that protection will be given to local investment.

Sir, we are glad that the landless people will be provided with land, in order to help them to get a higher standard of living. But up to now, it is very difficult for the people in every State, because the State Governments have different ideas in each State, and unless there is a standardised policy by way of giving instructions to the local governments, to State governments, for the distribution of land there will be misunderstandings and there will be dissatisfaction. It is urgent that those who are responsible for this project should look into the matter.

Here is the Gracious Speech His Majesty has said:

"My Government's policy of industrial development and diversification to reduce the country's dependence on rubber and tin is bearing fruit and will be pursued progressively within the framework of the Government's policy of inducement to local and foreign capital alike."

Sir, in this connection, I would ask the Government to consider the question of the growing and increasing population in this country, particularly in each State. At the moment, I see that the flow of investment and the creation of new industries—everything—seem to be directed to one point, that is Petaling Jaya. Do you think that it is a good thing to put all our eggs in one basket? When that basket should fall, it would break all the eggs, I am afraid. Therefore, it will be a very good thing if the Government will consider to have a publicity department set up, so that every State Government can send out their inducements and these can be made known to the investors.

In my State, we have not the money, but we have got plenty of flat land, plenty of people to work, plenty of cheap labour and there is no question of a strike. I am sure that if this had been made known to foreign investors and local investors, they would all come to my State, Negri Sembilan. There are lands fronting sea, rail and road. What better thing can a man ask for to set up industries? However, these are not known to the people. It is important that the Government should not allow everything to be thrown into one basket—Petaling Jaya.

Now, Sir, it is a very unfortunate thing that I should refer to the question of the modernisation of hospitals again. Here it is stated, "Modernisation of hospitals will proceed, with priority for Kuala Lumpur itself." Why should it be Kuala Lumpur and not Seremban? (*Laughter*). You are painting the picture of the Federal capital and forgetting the small towns. But we should not forget that it is the little men that build up a kingdom. I hope that my town which has a hospital which was built some time in the 18th century will be given consideration.

AN HONOURABLE MEMBER: No!

Enche' Chin See Yin: Who says "No"? Sir, on the question of local housing again—for many years every State seems to enjoy money from the Federal Government, but when I raised this point not very long ago I was told that my Menteri Besar did not want the money. I think that is a very laughable thing. However, Sir, I can assure you that we have plenty of land—not land with potholes like certain towns—and we can offer a very good area for such houses. In fact, in my State, in most of the towns you will see cubicles in shophouses and the people living there breathing not through their noses but through their mouths. Therefore, Sir, I hope the Honourable Minister, who has so much money, will come and see the Menteri Besar of Negri Sembilan and offer the State, to begin with, something like \$10,000,000 as we have been left behind for so many years. This will enable us to get a certain number of houses and spreading them out so as to prevent the spreading of tuberculosis: thus the Minister of Health will not have to bother himself with the question of putting up sanatoria for these people. I invite you, Sir, to see my little town.

Finally, Sir, we are happy to hear that the Emergency will come to an end on 31st July, 1960. However, I hope that in the next few days and during the course of the debate here the Constitution (Amendment) Bill will be given careful consideration by the Government so that when the amendment is proposed the question of maintaining personal liberties will be always given.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyertai menyokong usul yang telah dikemukakan oleh rakan saya kerana memberi uchapan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah uchapan yang telah dibuat pada pagi sa-malam. Pada keselurohan Titah uchapan Duli Yang Maha Mulia itu lahir dengan nyata dan terang menuju

ka-arah satu kesimpulan ia-itu membina negara Persekutuan Tanah Melayu. Saya ada-lah sa-orang wakil yang datang daripada sa-buah negeri yang kecil dan mundur berasa megah dan bangga, kerana di-dalam Titah Duli Yang Maha Mulia rupa-nya Duli Yang Maha Mulia itu tidak juga lupa kapada sa-buah negeri yang kecil ia-itu indera kayangan Perlis. Jadi dengan menyebutkan ranchangan pembinaan jalan raya daripada Gunong Keriang ka-Sungei Baharu Perlis, maka dengan wujud-nya sa-batang jalan raya ini adalah menunjukkan dengan terangan-nya bahawa penduduk² kawasan itu yang telah beberapa lama menderita akan mendapat bersama juga mengechap nikmat yang kita bangga²kan ia-itu nikmat kemerdekaan. Jadi bagi pehak saya tidak-lah hendak mengulas dengan panjang di atas Titah uchapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong itu hanya saya memberi sokongan yang kuat di atas usul ini dan saya berbanyak² terima kaseh kapada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, kerana tidak lupa kapada sa-buah negeri yang kecil dan mundur itu.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidik: Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri di-sini menyokong usul atas uchapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Dan saya mengambil perhatian yang besar ia-itu dalam uchapan Yang Maha Mulia itu dalam ranchangan pelajaran berbunyi: "sunggoh pun perkembangan pelajaran itu pada akhir-nya akan menguntungkan kawasan² Luar Bandar tetapi Kerajaan Beta memberi pandangan yang istimewa kepada langkah memperbaiki sekolah² Luar Bandar dengan jalan mengadakan guru² dan bangunan² yang lebih baik untuk mereka." Di-dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sa-bagai wakil dari pantai timor sa-bagaimana kata Yang Berhormat wakil dari Kuala Lipis, orang pantai timor-lah yang akan berbesar hati sa-kali dari hal uchapan Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong ini—ini memang betul. Saya salah sa-orang wakil dari pantai timor merasa sangat berbesar hati atas uchapan Yang Maha Mulia itu, lebih² lagi di-dalam soal membaiki bangunan²

sekolah di-Luar Bandar, kerana di-sapanjang kampong, di-sapanjang jalan raya di-kampong² dalam negeri Trengganu itu maseh banyak lagi terdiri sekolah² anak kita yang kupak-kapec, boleh di-katakan jauh sa-kali daripada bagus. Jadi di-dalam soal ini saya berharap Kementerian yang berkenaan supaya memberi perhatian yang sangat besar di-dalam membaiki sekolah² di-pantai timor, khas-nya di-dalam kawasan saya di-Dungun dan Trengganu 'am-nya. Dan, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil perhatian yang sangat besar dalam uchapan Yang Maha Mulia itu di-dalam lapangan perdagangan dan perusahaan: "Kerajaan Beta sentiasa akan menyokong dan menggalakkan kemajuan hasil² utama negeri ini." Boleh dikatakan banyak perusahaan di-pantai timor di-usahakan oleh orang kampong di-Luar Bandar, mithal-nya, dalam perusahaan tenun kain songket, kain batik, dalam pekerjaan perusahaan barang² perak, barang² tembaga dan juga di-dalam usaha² membuat tikar daripada pandan dan sa-bagai-nya. Tetapi sampai sekarang perusahaan ini saya lihat dan saya sudah menyiasat di-pantai timor ia-itu di-Kelantan dan Trengganu khas-nya, maka perusahaan² ini boleh di-katakan sa-tengah²-nya "hidup segan, mati ta'mahu". Ini ada-lah di-sebabkan kekurangan perhatian daripada pehak Kerajaan dan kurang penyelidikan daripada kita untuk menyokong menggalakkan perusahaan² daripada mereka yang di-kampong² itu. Maka dengan uchapan Duli Yang Maha Mulia ini saya juga merasa sangat berbesar hati, sa-moga dari pehak Kerajaan akan menyiasat di-mana letak-nya kelebihan² dan di-mana-kah kesalahan² nya. Maka usaha daripada orang² di-Luar Bandar atau di-kampong² itu di-usahakan, di-utamakan dari anak negeri kita ini supaya dapat maju sa-hingga boleh kita banggakan ka-luar negeri, ini-lah usaha dan tenaga daripada anak negeri yang di-Luar Bandar yang sekarang di-maju serta di-galakkan dan di-sokong oleh Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam soal Perkhidmatan Pos dan Talikom Yang Maha Mulia bertitah: "Perkhidmatan pos dan talikom negara ini boleh-lah

di-katakan telah maju juga tetapi usaha mengelokkan lagi perkhidmatan² itu akan di-jalankan" usaha mengelokkan di-sini saya pun berharap kapada Kerajaan kita, kerana talipon², Public Talipon sangat-lah perlu di-kampong, sa-kira-nya suatu hal terjadi di-tengah malam, mithal-nya, ada kesakitan sa-orang wanita hendak bersalin sedangkan di-tempat atau di-kampong itu tidak ada satu pun Public Talipon untuk minta pertolongan ka-hospital di-dalam kawasan itu. Maka di-sini saya berharap, mithal-nya, Trengganu, negeri ini tempat²-nya boleh di-katakan besar juga yang mempunyai beribu² ra'ayat, tetapi tidak ada satu pun Public Talipon, chuma di-Balai Polis sahaja yang ada talipon, itu pun saya sendiri sudah menchuba talipon polis itu minta ka-Kuala Trengganu, sampai berjam² ta' boleh dapat, hinggakan polis itu mengatakan, bagini-lah Che' Puan kita di-sini, itu polis sendiri yang berkata bagitu, bagaimana kalau sa-kira-nya ra'ayat di-kampong pergi ka-Balai Polis, sa-tengah daripada mereka itu takut, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu, di-dalam perkhidmatan Pos dan Talikom ini ia-itu kedudukan talipon, saya berharap supaya pehak Kementerian kita dan Kerajaan akan menim-bangkan betul² kalau sunggoh² hendak memajukan ra'ayat di-kampong², hen-dak membaiki nasib mereka itu, hendak menolong di-dalam soal kesehatan dan kemajuan-nya. Maka tolong-lah berikan mereka itu dengan mengadakan di-tiap² kampong satu public talipon.

Dan saya masok pula ka-dalam kasehatan, Tuan Yang di-Pertua. Sa-bagaimana saudara saya ia-itu Yang Berhormat wakil dari Seremban tadi, mengatakan, kalau sakira-nya Kerajaan hanya mengambil perhatian untuk membaiki, untuk memodernkan ia-itu Hospital di-Kuala Lumpur ini, maka kenapa-kah tidak di-Seremban. Kalau bagitu, maka saya juga bertanya, kenapa-kah tidak di-baiki Hospital di-Dungun. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Hospital di-Dungun barangkali saya sudah beberapa kali mengemukakan di-dalam Parlimen ini. Hospital di-Dungun berkekurangan Doctor, berkekurangan Dresser, berkekurangan Bidan² dan berkekurangan, boleh di-katakan se-gala²-nya. Dungun, ada-lah suatu

tempat yang besar kalau di-dalam negeri Trengganu itu. Kalau di-Dungun sendiri tidak chukup tempat² tidor-nya, tidak chukup perawat²-nya di-dalam Hospital, bagaimana agak-nya di-kampong² kechil?

Merchang, itu agak-nya ada 3,000 orang tetapi di-situ tidak ada clinic. Jadi, saya berharap di-sini meminta kepada Kerajaan, saya sa-bagai wakil da'i Dungun berbesar hati sa-kali dan menjunjong tinggi akan titah Duli Yang Maha Mulia di-dalam soal itu dan semoga Kementerian yang berkenaan betul² akan mengambil per-hatian dalam kawasan Pantai Timor. Manakala Pantai Timor, ini-lah kawasan yang sangat² tidak maju di-dalam negeri kita ini. Dan kawasan ini sangat ketinggalan dan juga Kerajaan mengetahuinya. Jadi, saya berharap di-sini kalau sakira-nya Kementerian memerlukan tenaga, saya sedia untuk menunjukkan atau untuk memberi bantuan di-dalam soal pergi ka-tempat² itu, saya bersedia sa-tiap masa sahaja demi untuk keselamatan kapada ra'ayat Tanah Melayu dan untuk bekerja-sama di-dalam soal kemajuan di-kampong.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh hari saya terbacha di-dalam Surat Khabar, ada sa-orang wanita dari Pahang yang sakit bersalin dengan tiba² itu sa-hingga di-terbangkan ka-Hospital di-Kuala Lumpur untuk menyelamatkan-nya. Dan alham dulillah, shukor, wanita itu dapat di-selamatkan. Tetapi di-kawasan saya, di-Dungun itu ada satu hari 3 kejadian yang sakit sa-bagaimana wanita dari Pahang itu. Satu tertolong dua meninggal pada hari itu juga, Tuan Yang di-Pertua. Kerana sementara Doctor meoperation satu wanita ini dua yang lain meninggal. Doctor hanya sa-orang sahaja, tidak ada di-beri bantuan. Maka oleh sebab dukun, terpaksa-lah dua nyawa wanita itu berjalan. Jadi, ini kerana kekurangan kaki tangan di-dalam soal kedoctoran untuk merawat kasehatan ra'ayat di-kampong². Jadi, saya merayu-lah sa-kali lagi di-dalam soal ini, saya berharap kapada Kerajaan bukan kerana kawasan kami daripada pehak pembangkang dari Pantai Timor itu, tidak, kerana untuk keselamatan ra'ayat di-kawasan luar

bandar. Sa-takat ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, dapat-lah hendak-nya di-jalankan apa yang telah di-titahkan oleh Duli Yang Maha Mulia itu.

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman:
 Dato' Yang di-Pertua, saya menyambut dengan sukachita-nya chadangan Yang Berhormat wakil Larut Selatan yang telah memberi dan menyembahkan uchapan terima kaseh kepada titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari semalam. Perkara yang sangat menggerakkan atau pun yang menyukakan perasaan saya sambil mendengar titah Baginda itu ialah berkenaan dengan susunan pelajaran yang akan di-perbaiki bagi mengutamakan pertukangan tangan, dan juga akan mengadakan Sekolah Lanjutan Kampong yang mana bukan sahaja terbuka kapada murid² lelaki, tetapi juga terbuka kapada murid² perempuan. Maka dengan akibat-nya itu nanti apabila murid² perempuan itu menjadi ibu kelak dapat-lah kaum² ibu di-luar bandar itu memperbaiki kehidupan-nya.

Sekolah Lanjutan Kampong bagi murid² perempuan itu tentu-lah berlainan dengan pelajaran murid² lelaki. Sekolah Lanjutan Kampong untuk murid² perempuan tentu-lah sangat munasabah kalau sekolah pertukangan untuk murid² perempuan itu di-beratkan kapada mengajar pertukangan tangan yang betul² akan memberi fa'edah kepada mereka itu apabila mereka besar agar menjadi kaum ibu yang sempurna. Sa-suatu pertukangan yang boleh menjadikan mata pencharian, atau menjamin kehidupan-nya.

Saya suka memberikan satu pandangan atau tauladan perempuan² Burma waktu saya berada di-sana, saya dapati bahawa mereka itu berator di-sapanjang jalan raya bagi membuat payong yang chantek² sa-hinggakan menjadi dagangan dan jualan kapada kita, kerana berebut² orang yang hendak membeli-nya payong² yang didatangkan dari Burma itu. Bagitu juga kalau sudah ada orang² yang pandai mengajar di-sekolah budak² perempuan itu untuk membuat payong, saya perchaya Kerajaan kita tentu boleh mengambil beberapa orang guru² dari

Burma bagi mengajar di-sekolah² kampong untuk membuat payong, kerana payong² itu ada-lah sangat berguna di-negeri kita yang panas dan selalu hujan ini.

Sa-perkara lagi berhubong dengan Sekolah Lanjutan, kalau kita perhatikan masa melalui jalan kereta api, atau jalan motor-car, maka nampak-lah rumput² yang panjang subor hidupnya itu dapat di-gunakan saperti mana yang di-gunakan oleh orang² Jepon bagi membuat karong dan tikar² yang sangat berharga kalau di-jual di-negeri kita ini. Kalau semua-nya itu di-adakan untuk Sekolah Lanjutan Kampong bagi murid² perempuan yang sudah besar maka semua-nya itu tentu-lah akan menjadi perusahaan apabila mereka itu besar kelak. Dan juga Sekolah Lanjutan Kampong ini ada-lah di-harap juga dalam bahagian perusahaan pula agar Kerajaan kita mengambil tahu atau mengambil minat supaya perusahaan atau pertukangan tangan dalam Sekolah Lanjutan Kampong, atau pun yang di-usahakan oleh kaum ibu dalam kampong yang pada asal-nya daripada murid² sekolah itu akan dapat di-jual barang² tersebut di-dalam dan ka-luar negeri. Oleh yang demikian, terkenal-lah segala pertukangan tangan bangsa kita sampai di-dalam dan di-luar negeri. Dan juga daripada sekolah itu dapat-lah hendaknya di-adakan satu chawangan mengajar murid² perempuan itu membuat benang; walau pun di-dalam negeri kita ini tidak banyak orang yang menanam kapas, tetapi daun² nenas yang boleh di-dapat benang-nya boleh-lah di-gunakan atau di-ajar di-Sekolah Lanjutan Kampong supaya di-sekolah pertukangan itu dapat menggunakan benang-nya sendiri dengan tidak payah membeli daripada luar negeri. Dengan itu, segala bahan² kekayaan di-negeri kita di-merata² tempat itu dapat di-gunakan, dan dengan itu nanti dengan sendiri-nya taraf hidup² orang² kampong atau pun bangsa kita akan tinggi.

Sa-perkara lagi yang menarek perhatian saya sa-waktu mendengar titah Baginda semalam berkenaan dengan melebehkan usaha menjaga kesihatan di-luar bandar. Kesihatan di-luar bandar, nampak-nya di-tujukan benar²

kapada kanak². Menjaga kesihatan di-luar bandar yang mana mengambil tugas yang besar kalau kita perhatikan kapada ibu² segala bangsa, terutama sekali ibu² bangsa Melayu, sebab-nya di-dalam kampong ibu² Melayu-lah yang ramai sekali yang menimpa kesulitan yang terpaksa di-hadapi oleh mereka. Sepanjang pengalaman saya di-masa saya melawat di-kampong² ia-itu perkara yang mustahak sekali ia-la-lah ayer, kerana kesihatan itu adalih berpuncha daripada ayer yang berseh, umpama-nya bagaimana hendak menjaga ayer kalau di-serang oleh penyakit demam kepialu, dan menjaga yang lain² lagi kalau ayer² itu kotor. Jadi, wang yang di-gunakan bagi kawasan luar bandar, itu hendak-lah mengadakan beberapa banyak perigi² yang bagus, atau pun kalau boleh masokkan ayer paip di-tempat² itu supaya menjaga keselamatan itu dapat di-laksanakan. Dan lagi di-adakan pula buku² yang senang di-bacha oleh mereka dalam tulisan Melayu atau tulisan rumi supaya dapat ibu² itu membacha, atau pun anak² yang lepas dari sekolah² itu membacha akan ka'edah menjaga kebersehan dengan sebetul²-nya, kerana daripada kebersehan itu-la-lah terbit kesihatan. Apabila ada ayer, maka senang-lah ibu² itu menjaga anak²-nya. Kalau anak² itu semua sihat, dan subor hidup-nya berma'ana senang-lah kapada ibu²-nya. Kalau kita pandang dari segi yang lain pula sedangkan anak² ayam atau ternakkan yang lain yang kecil² kita jaga dengan betul-nya, apa-tah lagi kapada anak² manusia maka tentu-lah lebeh² lagi akan di-ambil perhatian dengan me-nyediakan bahan² kerana kebersehan, kesihatan untok anak² manusia.

Enche' Geh Chong Keat (Penang Utara): Mr. Speaker, Sir, I rise to associate myself with the motion made by the Honourable Member for Larut Selatan and his speech. I am sure the people will rejoice when the Emergency Regulations are repealed on 31st July, 1960. These people, who have suffered inconveniences during the Emergency period, have not suffered in vain. Their co-operation

has contributed toward the success of the ending of this Emergency period.

Much has been said in this House on democracy. At this juncture, may I be allowed to point out that since the Opposition supports the policy Speech of the Yang di-Pertuan Agong, they agree that we in Malaya—the Persekutuan Tanah Melayu—have a democratic form of Government. However, if there is a breakdown of our democratic system, that does not mean that our Government has become undemocratic, but rather that the rank and file of the Civil Service have failed to comply or carry out the implementation of this policy. Therefore, on behalf of my constituents and the people of Persekutuan Tanah Melayu, I appeal to the Civil Service to contribute and serve the people. Serve them well, and that will be their part of contribution to our nation, Persekutuan Tanah Melayu.

Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, satelah memberi penghargaan kapada titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka suka-lah saya hendak mengulas sedikit di-sini berkenaan dengan satu perkara yang telah di-lafadzkan oleh Baginda itu ia-itu berkenaan dengan bantuan kapada Sekolah² Ugama Islam yang di-usahakan oleh ra'ayat akan di-tambah, demikian menurut titah Baginda itu. Sa-benar-nya, ini ada-la-lah satu perkara yang sangat menyukarkan hati sa-bahagian besar mereka yang meng-hantar anak²-nya belajar dalam sekolah² yang berdasarkan ugama Islam di-mana di-dirikan oleh orang² kampong itu.

Saya sedar bahawa sekarang ini pun sa-benar-nya Kerajaan menerusi Kementerian Pelajaran telah pun mem-berikan bantuan kapada Sekolah² Ugama Islam yang di-dirikan oleh ra'ayat itu, tetapi bantuan itu sangat-lah sedikit dan setengah penguasa² sekolah itu mensifatkan bantuan² itu hanya sa-bagi "Melepaskan batok di-tangga" sahaja, kerana bantuan \$10.00 kapada sa-orang murid itu hanya dalam sa-tahun. Mudah²an sa-bagaimana titah Duli Yang Maha

Mulia Seri Paduka Baginda itu akan mendorongkan pehak Kementerian Pelajaran agar berikhtiar dengan secepatnya melipatgandakan bantuan itu.

Berkenaan Sekolah Ugama Islam yang di-dirikan oleh ra'ayat itu, saya suka-lah menyebutkan lagi bahawa Kerajaan telah pun menerbitkan sa-buah penyata dalam tahun 1956 dahulu bagi membantu kapada Sekolah² Ugama Islam yang di-pengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sekarang ini (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib). Apa yang hendak saya sebutkan di-sini ia-lah saya hendak mengeshor-kan bahawa patut-lah penyata itu dikaji semula oleh pehak Kementerian Pelajaran, ia-itu dengan membentok sa-buah Jawatan-Kuasa Khas kerana mengkaji semula Penyata Rahman Talib tahun 1956 dahulu itu. Oleh kerana saya tahu bahawa sangat-lah banyak perkara² yang tersebut dalam report itu yang tidak berjalan lansong, kechuali satu dua perkara sahaja seperti melantek sa-orang pegawai perhubungan mengelolakan Sekolah² Ugama Islam ini sahaja yang dapat di-buat. Kalau sakira-nya pehak Menteri Pelajaran dapat menubohkan sa-buah Jawatan-Kuasa bagi mengkaji report itu dengan segera-nya, maka dapat-lah kita ketahui setakat mana kemajuan yang telah di-chapai oleh penyata itu dalam masa empat tahun yang lalu.

Sa-perkara lagi di-dalam perkara pelajaran ugama Islam ini Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah menerangkan bahawa ada-lah menjadi 'azam Kerajaan Seri Paduka Baginda hendak mengadakan pelajaran ugama itu di-dalam semua sekolah² yang di-bantu oleh Kerajaan. Kita harap bahawa langkah yang tegas dan chepat dapat di-jalankan pada masa ini dan hendak-nya jangan-lah ada halangan² daripada sa-tengah² Kerajaan Negeri akan menjadikan helah bagi melambatkan usaha² seperti ini. Saya perchaya semua Kerajaan Negeri akan memberi sokongan dan persetujuan yang penoh kapada ranchangan Kerajaan hendak mengadakan guru² ugama Islam di-dalam sekolah² yang di-bantu oleh Kerajaan. Sekian-lah.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong chadangan atas uchapan titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas dua sebab. Dengan titah uchapan ini maka ini-lah satu semangat baharu yang telah di-dapat oleh ra'ayat jelata kerana di-dalam titah uchapan ini ia-itu Dzarurat akan ditamatkan pada 31 haribulan July ini. Maka dengan tamat-nya Dzarurat maka ra'ayat jelata negeri ini bebas-lah daripada segala sekatan dan sa-bagainya. Maka mereka akan menumpukan tenaga dan semangat baharu-nya untuk mendirikan dan mendapatkan keni'matan sa-lepas mereka merdeka.

Dalam 14 perkara yang di-uchapkan di-dalam titah Duli Yang Maha Mulia itu perkara yang menarek perhatian sangat ia-lah berkenaan dengan hal Ranchangan Luar Bandar. Maka Ranchangan Luar Bandar ini ia-lah di-utamakan kapada orang² yang di-kampung² orang² yang miskin yang pada masa ini sangat² dahaga kapada tanah. Maka dengan jaminan di-dalam titah uchapan itu mereka² yang tidak ada tanah akan di-beri tanah dan mereka² yang tidak chukup tanah akan di-beri tanah, dan bagitu juga di-dalam titah uchapan tadi maka mereka² yang di-luar Kawasan² Luar Bandar akan berasa mereka sekarang telah ada pandangan yang tinggi daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda kerana semenjak negeri ini dalam penjajahan mereka ini telah tertinggal yang sa-patut-nya menerima keni'matan sa-bagaimana mereka² yang lain juga.

Maka di-dalam titah uchapan itu yang besar sa-kali ia-lah hendak mem-beri satu taraf yang sa-patut-nya di-terima oleh mereka² yang di-luar bandar. Maka untuk menchapai ini kita ada beberapa sebab dan beberapa fasal dalam hal ini terutama berkenaan dengan jalan raya. Jalan² raya ada-lah satu puncha yang besar sa-kali untuk memberi satu taraf yang sama di-antara orang² luar bandar, oleh sebab pada masa ini dengan tidak ada jalan raya, bahan² yang di-keluarkan oleh mereka itu tidak mendapat harga yang sa-penoh-nya. Dengan ada-nya

jalan raya maka bahan² mentah dan bahan² yang di-keluarkan oleh orang² luar bandar akan mendapat harga yang sa-baik²-nya maka keadaan ekonomi orang² luar bandar itu boleh di-tinggi-kan.

Bagitu juga ada di-terangkan berkenaan dengan bertanam padi dan juga berkenaan dengan hal bertanam getah. Pada masa ini sunggoh pun ada perkara ini di-ranchangkan tetapi dengan uchapan ini tadi memberi satu semangat baharu satu keperchayaan yang penoh yang mereka yang di-luar bandar akan mendapat sa-bagaimana yang sa-patut-nya daripada ranchangan² ini.

Yang penyudah yang menarek perhatian saya sangat, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan memberi peluang tanah² reserve orang Melayu di-pereksa oleh Kerajaan m�ari bahan² galian dan di-beri peluang terutama kapada orang² Melayu yang belum lagi masok melangkah dalam perlombongan. Maka dengan ini satu jalan juga untuk meninggikan ekonomi orang² miskin terutama orang² Melayu. Sa-kian, Tuan Yang di-Pertua, asas² dan sebab²-nya saya menyokong atas chadangan kita menghantar bingkisan terima kaseh kapada Duli Yang Maha Mulia kerana titah uchapan pembukaan Parlimen ini.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertuan dan sakalian ahli² yang Berhormat, saya ada-lah menyokong atas usul yang telah di-bawa oleh ahli pehak Kerajaan ia-itu menyampaikan uchapan terima kaseh kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong. Dalam titah uchapan pembukaan-nya dalam Parlimen yang kedua, ia-itu saya manarik perhatian dalam perkara pengishtiharkan penamatian Dzarurat ini pada 31 July dan akan menarek balek Undang² Dzarurat ini. Tuan Yang di-Pertua, saya boleh mengatakan sa-bagai pendudok² dalam Negeri Johor menguchapkan tahniah dengan ada-nya persishtiharan yang akan dapat menarek balek Undang² Dzarurat ini dan khasnya saya uchapkan tahniah daripada pendudok kawasan Muar Utara, sebab bagi pehak kami ra'ayat Kawasan Muar Utara ia-itu sa-buah kawasan yang termashhor hitam-nya dalam masa

Dzarurat termasok Tangkak kawasan yang sangat hitam dan banyak penganas Kominis di-dalamnya.

